



**APPGM-SDG**  
MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAHAN



PERSATUAN PROMOSI  
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI  
PPM-023-14-07012020

# Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025

**Zon Selatan**

**P.150 Batu Pahat**

Laporan Disediakan Oleh:  
Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim



# Laporan Pemetaan Isu Parlimen P.150 Batu Pahat

Disediakan oleh:  
Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim

## KATA ALUAN

I

## KATA PENGANTAR

III

## PENGENALAN

V

## BAHAGIAN A

### LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU

2-11

## BAHAGIAN B

15 – 21

### 1.0

15 – 21

1.1 Geografi/Topografi

15

1.2 Komposisi Penduduk

16

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

16

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan  
Konteks Tempatan

17

### 2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

21 – 24

2.1 Pendekatan Kajian

21

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

23

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

23

2.4 Keterbatasan Kajian

24

### 3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

25 – 30

### 4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

31 – 72

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

31

4.2 Pengutamaan Isu

61

### 5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

72 – 74

### 6.0 RUJUKAN

76



# P.150 BATU PAHAT

# KATA ALUAN

---

**YB SENATOR TUAN ISAIAH D. JACOB**  
*Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG;  
Ahli Dewan Negara*



Salam sejahtera,

Syukur dan terima kasih atas usaha semua pihak kerana dengan kerjasama yang diberikan, 'Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen' bagi Jilid Zon Selatan Tahun 2025 dapat diluncurkan. Sebagai wakil Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG, saya senang hati melihat bagaimana inisiatif ini mampu menonjolkan kekuatan unik kawasan zon selatan. Zon selatan bukan sahaja dikenali dengan kedudukan strategiknya sebagai pintu masuk antarabangsa, tetapi juga kepelbagaian ekonomi yang meliputi sektor industri, pelabuhan, pertanian, perikanan, pelancongan, serta warisan budaya dan sejarah yang tidak ternilai. Namun, kepesatan pembangunan ini turut membawa cabaran besar yang memerlukan usaha untuk menyeimbangkan antara pemuliharaan alam sekitar dan pembangunan moden.

Proses pemetaan isu pada tahun 2025 ini memperlihatkan pendekatan yang mendalam melalui sesi libat urus bersama Ahli-ahli Parlimen, masyarakat setempat, agensi kerajaan, pihak swasta dan NGO. Laporan yang dihasilkan bukan sahaja mencatatkan isu-isu utama di kawasan zon selatan, tetapi juga memuatkan cadangan program dan amalan terbaik yang dapat dijadikan panduan bersama bagi memacu pembangunan yang manusiawi. Saya yakin laporan ini akan menjadi rujukan yang bermanfaat untuk semua pihak, khususnya pembuat dasar dan agensi pelaksana, dalam memastikan tiada komuniti di zon selatan yang ketinggalan, termasuk golongan OKU. Kejayaan bagi mencapai SDG memerlukan semangat kebersamaan, kesungguhan untuk mendengar suara rakyat, dan tindakan kolektif demi kesejahteraan masyarakat pada hari ini dan masa akan datang.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Sekretariat APPGM-SDG, komuniti-komuniti, semua Ahli Parlimen yang terlibat, pemimpin tempatan serta pihak berwajib khususnya agensi kerajaan di peringkat persekutuan, negeri dan daerah yang telah menyumbang kepada kejayaan penerbitan ini. Semoga usaha ini terus menjadi asas kukuh dalam membina Malaysia yang adil dan saksama untuk semua golongan dan komuniti masyarakat tidak kira latar belakang, etnik, agama, upaya dan lokasi geografi.

Sekian, terima kasih.

**YB Senator Isaiah a/l D. Jacob**

*Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG*

*Senator Dewan Negara*

# KATA PENGANTAR

---

**JAMES RYAN RAJ**

*Pemangku Timbalan Pengarah Eksekutif,  
APPGM SDG*



Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) aktif sejak 2020 menggerakkan penyetempatan SDG di kawasan-kawasan Parlimen seluruh negara. Berteraskan pemetaan isu, APPGM-SDG melaksanakan perbincangan kumpulan fokus (FGD) bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran setempat dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang bersesuaian. Dari 2020 hingga 2024, APPGM-SDG telah melaksanakan kerja lapangan di 115 kawasan Parlimen. Pada 2025, inisiatif ini diperluas ke 28 kawasan Parlimen baharu, membolehkan pasukan mendalami isu akar umbi dan menetapkan keutamaan tempatan. Lawatan tapak menyediakan gambaran menyeluruh mengenai realiti lapangan dan membantu mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil gerak kerja tersebut, sebanyak 28 laporan pemetaan isu disediakan pada tahun 2025 dan dihipunkan dalam jilid “Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen”. Kompilasi ini disusun mengikut zon/wilayah - Tengah, Utara, Selatan, Pantai Timur, Sabah dan Sarawak seperti diringkaskan dalam Jadual 1. Turut disertakan laporan bergambar yang merekodkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Di samping itu, laporan individu bagi setiap kawasan Parlimen turut disediakan untuk memudahkan rujukan Ahli Parlimen dan pihak berkepentingan.

Jadual 1. Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

| JILID              | ZON/WILAYAH      | JUMLAH KAWASAN PARLIMEN | PENYELIDIK |
|--------------------|------------------|-------------------------|------------|
| Jilid 1            | Zon Utara        | 9                       | 5          |
| Jilid 2            | Zon Pantai Timur | 4                       | 2          |
| Jilid 3            | Zon Tengah       | 3                       | 3          |
| Jilid 4            | Zon Selatan      | 6                       | 4          |
| Jilid 5            | Wilayah Sabah    | 4                       | 2          |
| Jilid 6            | Wilayah Sarawak  | 2                       | 2          |
| JUMLAH KESELURUHAN |                  | 28                      |            |

Laporan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara akar umbi termasuklah emosi, keperluan dan keutamaan komuniti setempat. Walaupun transkrip penuh FGD belum disertakan, analisis situasi yang dibentangkan sudah memadai untuk menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen terlibat dan boleh diakses oleh orang awam atas permintaan bagi tujuan kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan menjadi asas perbincangan seterusnya di peringkat Parlimen serta bersama agensi dan kementerian berkaitan. Matlamat utama ialah merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong penambahbaikan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

## PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2025. Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Nurul Syaza Mazelan dan Hirzawati Atikah Mohd Tahir selaku penyunting siri enam jilid ini atas dedikasi menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr. Teo Lee Ken, Nurul Syaza Mazelan, Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr. Thanaraj Murudi, Dr. Eva Kristin Larry Sait, Siti Noraiysah Rohim, Raine Melissa Riman, Nur Syadhira Mohd Razali, Nuha Mysara Mohd Hisam, Lydia Ann Anak Bill, Fatimah Mohd Yasin, Tariq Ziad Abdul Razak dan Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Zoel Ng, dan khususnya Hirzawati Atikah Mohd Tahir dan Kezia Sim Kui Ting atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya. Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

# PENGENALAN


---

**DR. WAN SUZITA WAN IBRAHIM**  
*Ketua Zon Selatan, APPGM-SDG*



Pada tahun 2025, APPGM-SDG memperkuat gerak kerja pemetaan SDG dengan pendekatan yang berkesan, inklusif dan seragam merentas lokasi. Penegasan inti pada tahun ini adalah penambahbaikan proses pemetaan isu sebagai asas penyetempatan SDG, di samping penyeragaman kaedah catatan kajian dan pelaporan. Proses pemetaan isu kekal sebagai fasa awal yang kritikal dalam penyetempatan SDG oleh APPGM-SDG. Sebagai permulaan kepada kitaran intervensi, pemetaan perlu berfungsi sebagai penanda aras yang kukuh dengan proses libat urus yang cekap, telus dan inklusif bersama pihak berkepentingan. Justeru, APPGM-SDG memberi tumpuan kepada penglibatan menyeluruh dan mengarusperdanakan pandangan komuniti, agensi dan pemimpin tempatan agar perspektif yang pelbagai diambil kira secara serius. Kajian lapangan laporan pemetaan isu berperanan sebagai wahana utama untuk memaparkan analisis dapatan, keutamaan tindakan serta tahap penglibatan pihak berkepentingan di setiap kawasan dan tahap.

Bagi tahun 2025, APPGM-SDG telah melaksanakan gerak kerja pemetaan isu yang melibatkan 28 kawasan parlimen (Rajah 1) yang merangkumi beberapa kawasan di setiap zon dan wilayah, menjangkau Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Di setiap kawasan, kerjasama turut diperkukuh dengan agensi peringkat kerajaan tempatan termasuklah Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) serta pihak berkuasa tempatan atau entiti setara yang berperanan sebagai penyelaras lapangan, pemudah cara mobilisasi komuniti dan rujukan data setempat (Jadual 1).



Rajah 1. 28 Kawasan Parlimen bagi Tahun 2025

Semasa di lapangan, pasukan penyelidik mengamalkan langkah etika yang ketat seperti persetujuan rakaman/visual, kerahsiaan. Namun beberapa cabaran mengiringi gerak kerja 2025. Antaranya adalah seperti kesukaran mendapatkan penyertaan seimbang merentas kelompok sasaran; kualiti audio tidak konsisten yang menuntut integrasi analitikal dengan nota lapangan; pertindihan perbualan semasa FGD yang memerlukan penyaringan teliti; serta kekangan logistik seperti jadual, tempat, fasiliti yang mempengaruhi jumlah sesi dan kejutuan bukti. Walaubagaimanapun, cabaran-cabaran ini diimbangi dengan penetapan jadual semula, bantuan penghulu dan pihak pejabat daerah dan tanah untuk mobilisasi, pemetaan pihak berkepentingan yang lebih awal, serta kaedah catatan kajian berganda untuk mengekalkan integriti data.

Daripada segi kandungan, laporan ini dibentuk untuk memudahkan pembaca memahami setiap zon dan wilayah secara bertahap dan semakin mendalam. Bahagian 1 menghuraikan latar kawasan meliputi geografi, topografi, komposisi penduduk, aktiviti ekonomi, dan kaitannya dengan sasaran SDG relevan. Bahagian 2 menerangkan metodologi, langkah etika, kekangan lawatan dan keterbatasan kajian. Bahagian 3 merumuskan isu-isu rentas SDG, berpandukan tema-tema seperti pendidikan, kemahiran, pekerjaan, budaya/warisan, keselamatan jalan, pertanian, pengairan, konflik manusia-haiwan, akses bantuan kebajikan, dan infrastruktur asas. Bahagian 4 pula menghimpunkan gambaran keseluruhan pemetaan mengikut isu utama, penerangan isu, tindakan serta maklum balas daripada agensi-agensi berkaitan. Bahagian 5 menyenaraikan pengenalpastian awal projek penyelesaian jangka masa pendek sebagai langkah intervensi komuniti yang memberi impak tinggi, segera dan langsung, beserta

cadangan rakan pelaksana dan penjajaran SDG. Dengan susun atur sebegini, laporan pemetaan isu kawasan parlimen 2025 ini berfungsi sebagai dokumen rujukan tindakan bagi peralihan daripada pembawaan suara komuniti akar umbi kepada perancangan pelan tindakan dan seterusnya kepada program pelaksanaan yang realistik dan terukur.

## **PEMETAAN ISU DI ZON SELATAN**

Secara umumnya, zon selatan merupakan kawasan yang merangkumi antara bandar dan luar bandar yang kaya dengan sumber tenaga manusia dan alam semula jadi. Daripada aspek demografi, zon selatan mempunyai komposisi penduduk yang berbilang kaum dengan majoriti komuniti etnik Melayu, diikuti etnik Cina dan etnik India. Kadar urbanisasi adalah tinggi di parlimen-parlimen Pulai dan Batu Pahat, manakala Segamat, Sri Gading, Jempol dan Jasin masih mengekalkan ciri separa bandar dan luar bandar yang mempunyai kawasan pesisir pantai dan pedalaman. Contohnya Batu Pahat dan Pulai yang mempunyai sektor perindustrian dan perdagangan. Selain itu, Segamat dan Jempol merupakan kawasan tanah tinggi, berhutan dan sesuai untuk pertanian serta perhutanan. Manakala, Jasin adalah dataran rendah, dan aktiviti utama adalah pertanian intensif seperti sawah padi dan dusun. Kedudukan strategik zon selatan merentasi negeri-negeri Johor-Melaka-Negeri Sembilan menjadikan kawasan dan laluan ini koridor ekonomi dan hub perhubungan pengangkutan di Selatan. Namun begitu, jurang pembangunan antara kawasan lebih perbandaran (Pulai dan Batu Pahat) dan luar bandar (Segamat, Sri Gading, Jempol, Jasin) masih wujud. Kewujudan golongan B40 masih ketara di kawasan pertanian dan pedalaman, kerana masih bergantung kepada pekerjaan tidak formal dan sektor pertanian.

Daripada aspek pola isu rentas komuniti yang utama, adalah permasalahan Pusat Dalam Komuniti (PDK) yang dibangkitkan di parlimen-parlimen Segamat, Jasin, Batu Pahat, Sri Gading dan Pulai. Walaupun parlimen ini berbeza lokasi dan negeri, namun hasil kajian mendapati PDK di kawasan-kawasan ini berkongsi isu dan cabaran yang sama yang dihadapi seperti status jawatan masih bersifat sukarelawan, dana tidak mencukupi, infrastruktur bangunan yang tidak memuaskan, peningkatan pelajar OKU PPKI kembali ke PDK dan perubahan garis panduan PDK. Keadaan ini berlaku kerana status PDK yang bertaraf persatuan dan bukan di bawah tanggungjawab kerajaan sepenuhnya. Selain itu, permasalahan berkaitan pembangunan belia turut dibangkitkan merentasi jumlah kawasan parlimen adalah paling ketara pada tahun 2025. Cabaran komuniti belia di Pulai, Sri Gading, Batu Pahat, Jempol, Segamat, dan Jasin ini berlaku, kerana pembangunan pendidikan kemahiran belia masih rendah, terdapat penggunaan alat peranti yang berleluasa dan tahap penguasaan pendidikan yang masih rendah. Keadaan ini memberi kesan berlakunya kekurangan tenaga kerja tempatan, kemerosotan aktiviti komuniti, penghijrahan belia dari luar bandar ke bandar dan peningkatan kes tingkah laku anti-

sosial dan peminggiran sosial seperti penagihan dadah, penggunaan vape, dan kes ponteng sekolah.

Di samping itu, Zon Selatan turut menghadapi masalah fenomena banjir dan pengurusan sistem saliran dan perparitan. Contohnya Sg. Suloh, Kg Sg Suloh, Low Piak, Taman Nira Batu Pahat (Parlimen Batu Pahat), Kampung Seberang Batu Badak (Parlimen Segamat), Sri Lanchang (Jasin), Parit Yaani dan Parit Raja (Parlimen Sri Gading) yang menyebabkan limpahan air memasuki kawasan kediaman. Ini berpunca daripada kelompok faktor termasuk sistem paip yang sudah lama dan rosak, hujan berterusan, kawasan tanah rendah serta beralun dan pembangunan yang tidak terkawal. Pelbagai inisiatif seperti pembinaan kolam takungan, projek tebatan banjir, dan sistem perparitan moden telah dilaksanakan. Namun, penambahbaikan daripada segi aspek penguatkuasaan, kesedaran masyarakat dan penyelenggaraan berterusan masih perlu diperkukuhkan. Selain itu, isu-isu lain yang berbangkit adalah cabaran ekonomi yang dihadapi nelayan serta sektor pertanian dan ternakan, keperluan pembangunan infrastruktur, dan kesukaran untuk akses perkhidmatan dan sokongan kebajikan sosial kerajaan.

Secara keseluruhannya, zon selatan berdepan cabaran meliputi dimensi sosial, ekonomi dan alam sekitar yang melibatkan bukan sekadar masalah berbentuk kemudahan fizikal tetapi juga jurang pembangunan dan ekonomi. Justeru itu, penglibatan semua pihak melalui kerjasama antara pihak kerajaan, NGO, komuniti dan sektor swasta penting bagi menjayakan keseimbangan pembangunan secara menyeluruh di peringkat akar umbi dan daerah.

Jadual 1. Senarai 28 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2025

| BIL. | ZON/<br>WILAYAH | PARLIMEN               | KOD  | AHLI PARLIMEN                              | PARTI      | KERJASAMA<br>PENYELARASAN                       | KETUA<br>PENYELIDIK<br>APPGM-SDG |
|------|-----------------|------------------------|------|--------------------------------------------|------------|-------------------------------------------------|----------------------------------|
| 1    | Tengah          | Sabak Bernam           | P092 | YB Tuan Kalam bin Salan                    | PN-BERSATU | Pejabat Daerah<br>& Tanah (PDT)<br>Sabak Bernam | Nur Syadhira<br>Mohd Razali      |
| 2    | Tengah          | Hulu Selangor          | P094 | YB Tuan Haji Mohd Hasnizan bin<br>Harun    | PN-PAS     | PDT Hulu<br>Selangor                            | Nuha Mysara<br>Mohd Hisam        |
| 3    | Tengah          | Seputeh                | P121 | YB Puan Teresa Kok Suh Sim                 | PH-DAP     | Dewan<br>Bandaraya Kuala<br>Lumpur (DBKL)       | Nurul Syaza<br>Mazelan           |
| 4    | Utara           | Padang Terap           | P007 | YB Tuan Nurul Amin bin Hamid               | PN-PAS     | PDT Padang<br>Terap                             | Nurul Syaza<br>Mazelan           |
| 5    | Utara           | Kuala Kedah            | P010 | YB Dr. Ahmad Fakhruddin                    | PN-PAS     | PDT Kota Setar                                  | Dr. Thanaraj<br>Murudi           |
| 6    | Utara           | Balik Pulau            | P053 | YB Dato' Muhammad Bakhtiar<br>bin Wan Chik | PH-PKR     | PDT Barat Daya                                  | Siti Noraiysah<br>Rohim          |
| 7    | Utara           | Larut                  | P059 | YB Dato' Seri Hamzah bin<br>Zainudin       | PN-BERSATU | PDT Selama                                      | Dr. Thanaraj<br>Murudi           |
| 8    | Utara           | Kulim-Bandar<br>Baharu | P018 | YB Tuan Roslan bin Hashim                  | PN-BERSATU | PDT Kulim & PDT<br>Bandar Baharu                | Dr. Thanaraj<br>Murudi           |
| 9    | Utara           | Padang Rengas          | P060 | YB Kapten Azahari bin Hasan                | PN-BERSATU | PDT Kuala<br>Kangsar                            | Dr. Teo Lee Ken                  |
| 10   | Utara           | Gopeng                 | P064 | YB Tuan Tan Kar Hing                       | PH-PKR     | PDT Kampar                                      | Lydia Ann Anak<br>Bill           |

| BIL. | ZON/<br>WILAYAH | PARLIMEN    | KOD  | AHLI PARLIMEN                                  | PARTI      | KERJASAMA<br>PENYELARASAN                | KETUA<br>PENYELIDIK<br>APPGM-SDG |
|------|-----------------|-------------|------|------------------------------------------------|------------|------------------------------------------|----------------------------------|
| 11   | Utara           | Lumut       | P073 | YB Komander (B) Nordin Bin Ahmad Ismail        | PN-BERSATU | PDT Manjung                              | Dr. Thanaraj Murudi              |
| 12   | Utara           | Teluk Intan | P076 | YB Tuan Nga Kor Ming                           | PH-DAP     | PDT Hilir Perak                          | Nurul Syaza Mazelan              |
| 13   | Selatan         | Jempol      | P126 | Dato' Haji Shamshulkahar Bin Haji Mohd Deli    | BN-UMNO    | PDT Jempol                               | Tariq Ziad bin Abdul Razak       |
| 14   | Selatan         | Jasin       | P139 | YB Tuan Zulkifli bin Ismail                    | PN-PAS     | PDT Jasin                                | Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim       |
| 15   | Selatan         | Segamat     | P140 | YB Tuan Yuneswaran a/l Ramaraj                 | PH-PKR     | PDT Segamat                              | Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim       |
| 16   | Selatan         | Sri Gading  | P149 | YB Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan             | PH-AMANAHA | PDT Batu Pahat                           | Dr. Teo Lee Ken                  |
| 17   | Selatan         | Batu Pahat  | P150 | YB Tuan Haji Onn bin Abu Bakar                 | PH-PKR     | PDT Batu Pahat                           | Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim       |
| 18   | Selatan         | Pulai       | P161 | YB Tuan Suhaizan bin Kaiat                     | PH-AMANAHA | Pejabat Daerah Johor Bahru               | Siti Noraiysah Rohim             |
| 19   | Timur           | Maran       | P089 | YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd. Muttalib | PN-PAS     | PDT Maran                                | Siti Noraiysah Rohim             |
| 20   | Timur           | Kota Bharu  | P020 | YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan            | PN-PAS     | Pejabat Tanah & Jajahan (PTJ) Kota Bharu | Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin      |
| 21   | Timur           | Pasir Puteh | P023 | YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh    | PN-PAS     | PTJ Pasir Puteh                          | Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin      |

| BIL. | ZON/<br>WILAYAH | PARLIMEN   | KOD  | AHLI PARLIMEN                                     | PARTI   | KERJASAMA<br>PENYELARASAN                                                    | KETUA<br>PENYELIDIK<br>APPGM-SDG |
|------|-----------------|------------|------|---------------------------------------------------|---------|------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------|
| 22   | Timur           | Besut      | P033 | YB Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh           | PN-PAS  | PDT Besut                                                                    | Siti Noraiysah Rohim             |
| 23   | Sabah           | Tuaran     | P170 | YB Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau          | PH-UPKO | Pejabat Daerah Tuaran                                                        | Mc Jeanet Lempisik @ Marx        |
| 24   | Sabah           | Putatan    | P173 | YB Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya                  | BN-UMNO | Pejabat Daerah Putatan                                                       | Mc Jeanet Lempisik @ Marx        |
| 25   | Sabah           | Semporna   | P189 | YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Apdal | WARISAN | Pejabat Daerah Semporna                                                      | Fatimah Binti Mohd Yasin         |
| 26   | Sabah           | Labuan     | P166 | Dato' Indera Dr. Suhaili Abdul Rahman             | BEBAS   | Perbadanan Labuan (Labuan Corporation)                                       | Fatimah Binti Mohd Yasin         |
| 27   | Sarawak         | Stampin    | P196 | YB Tuan Chong Chieng Jen                          | PH-DAP  | Majlis Perbandaran Padawan (MPP) & Majlis Perbandaran Kuching Selatan (MBKS) | Dr. Eva Kristin Larry Sait       |
| 28   | Sarawak         | Lubok Antu | P203 | YB Tuan Roy Angau anak Gingkoi                    | GPS-PRS | Pejabat Daerah Lubok Antu                                                    | Raine Melissa Riman              |

## **SEKALUNG PERGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025. Terima kasih kepada ketua penyelidik setiap kawasan Parlimen, pasukan penyunting, dan pegawai-pegawai Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen yang telah bertungkus-lumus memastikan laporan ini terhasil dengan jayanya. Penghargaan khusus juga kepada Ahli-ahli Jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat dan, pengarah-pengarah APPGM-SDG, jaringan pakar rujuk, serta semua Ahli Parlimen dan agensi kerajaan yang memberikan kerjasama dan input sepanjang gerak kerja pemetaan isu ini.

Berdasarkan usaha kolektif ini, APPGM-SDG komited untuk meneruskan perjalanan penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dengan langkah strategik. Antara langkah lanjut lanjutan daripada pemetaan isu ini adalah bengkel pembangunan kapasiti bersama agensi kerajaan dan pihak berkepentingan yang diadakan dilaksanakan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran terkini berhubung pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi. Hasil bengkel ini juga dikongsikan melalui penerbitan buku Bengkel Pembangunan Kapasiti: Merangka Langkah ke Arah Masa Depan Mampan 2025. Selain itu, antara tiga atau empat projek mikro SDG akan dilaksanakan di setiap kawasan Parlimen dengan peruntukan RM120,000, berdasarkan keperluan setempat yang dikenal pasti melalui kajian pemetaan isu.

APPGM-SDG juga akan memperkukuhkan penglibatan dengan kerajaan negeri dan persekutuan untuk merangka dasar dan polisi program yang inklusif melalui pendekatan usahasama pelbagai pihak berkepentingan. Penubuhan Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar bersama pejabat-pejabat daerah terpilih akan terus memacu penyelesaian jangka panjang yang memberi impak bertransformasi dan mampan. Kami menyeru kerjasama berterusan dalam memastikan pelaksanaan yang efektif berkesan dan terukur.

Dengan pendekatan yang sistematik dan berasaskan data, laporan ini bukan sahaja sebagai rujukan, tetapi juga panduan praktikal untuk pembangunan komuniti yang mampanterhadapan. Bersama-sama, marilah kita memastikan tiada sesiapa ketinggalan dalam usaha membina masa depan yang lebih inklusif sejahtera, makmur dan lestari mampan untuk semua rakyat Malaysia.

# **BAHAGIAN A**

**Laporan Lawatan Pemetaan Isu**  
P.150 Batu Pahat

# DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN BATU PAHAT, YB TUAN HAJI ONN ABU BAKAR



## TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

08 Feb - 10 Feb 2025  
(Ahad - Selasa)

### HARI 1

1. FGD 1: Komuniti Penternak Lembu
2. FGD 2: Komuniti Belia Kampung Melang Rengit
3. FGD 3: Komuniti Cina Taman Maju Jaya Rengit
4. FGD 4: Komuniti Nelayan Parit Botak

### HARI 3

7. FGD 7: Komuniti Mangsa Banjir di Kampung Sungai Suloh
8. FGD 8: Komuniti PDK Penggaram di DUN Penggaram
9. Lawatan Kapak 1: Kebun Komuniti Taman Bukit Flora di Taman Bukit Flora, Batu Pahat Senggarang

### HARI 2

5. FGD 5: Komuniti Penjaja Senggarang
6. FGD 6: Komuniti Ibu Tunggal Senggarang
10. FGD 9: Komuniti Usahawan Tani di Bukit Batu Agrotech (Tanah Tinggi Bukit Batu)
11. FGD 10: Bersama Orang Asli di Kg Desa Sri Banang, Minyak Beku

## PASUKAN PENYELIDIK



**DR. WAN SUZITA  
WAN IBRAHIM**  
(Ketua Penyelidik)



**ZOEL NG YUET YENG**



**KARUPPIAH PALANIANDY**



**NUR BALQIS OSMAN**

# LAWATAN PEMETAAN KAWASAN TELAH DIJALANKAN PADA 08-10 FEB 2025 (AHAD - SELASA)



01

11 DISEMBER 2024

Mesyuarat Awalan dan Pemprofilan



02

20 Januari 2025

Perbincangan dan Penyelarasan  
Lawatan Tapak



03

07 Februari 2025

Perbincangan dan Pemakluman Gerak Kerja



06

08 Februari 2025

FGD 3: Komuniti Cina Taman  
Maju Jaya Rengit



05

08 Februari 2025

FGD 2: Komuniti Belia Kampung  
Melang Rengit



04

08 Februari 2025

FGD 1: Komuniti Penternak Lembu



07

08 Februari 2025

FGD 4: Komuniti Nelayan Parit Botak



08

09 Februari 2025

FGD 5: Komuniti Penjaja Senggarang



09

09 Februari 2025

FGD 6: Komuniti Ibu Tunggal Senggarang



12

10 Februari 2025

Lawatan Kapak 1 : Kebun Komuniti  
Taman Bukit Flora di Taman Bukit Flora,  
Batu Pahat Senggarang



11

10 Februari 2025

FGD 8: Komuniti PDK Penggarang di  
DUN Penggarang



10

10 Februari 2025

FGD 7: Komuniti Mangsa Banjir di  
Kampung Sungai Suloh



13

10 Februari 2025

FGD 9: Komuniti Usahawan Tani di Bukit  
Batu Agrotech (Tanah Tinggi Bukit Batu)



14

10 Februari 2025

FGD 10: Bersama Orang Asli di Kg Desa  
Sri Banang, Minyak Beku



### 11 DISEMBER 2024 - MESYUARAT AWALAN DAN PEMPROFILAN

Dr. Wan Suzita, Rahmah Othman, dan Dr. Thanaraj Murudi telah mengadakan mesyuarat awal bersama YB Tuan Haji Onn Abu Bakar, Ahli Parlimen Batu Pahat, untuk membincangkan inisiatif pelaksanaan dan penglokalan SDG di kawasan Batu Pahat. Perbincangan ini memfokuskan penyelarasan dan strategi bagi memastikan penglokalan SDG memberi impak positif kepada komuniti tempatan. YB Tuan Haji Onn Abu Bakar memberikan sokongan penuh terhadap inisiatif ini, yang diharap dapat memperkukuhkan peranan komuniti dalam pembangunan mampan dan pencapaian matlamat SDG di peringkat akar umbi.



### 20 JANUARI 2025 - PERBINCANGAN DAN PENYELARASAN LAWATAN TAPAK

Perbincangan dan penyelarasan program lawatan tapak Parlimen Batu Pahat telah diadakan bersama YB Tuan Haji Onn Abu Bakar di Pusat Khidmat Parlimen Batu Pahat. Lawatan tapak yang dijadualkan pada 8 -10 Februari 2025, melibatkan tiga DUN. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Dr. Wan Suzita, Nurul Syahirah, dan En. Aiman, Pegawai Kawasan Parlimen Batu Pahat. Pihak mereka memberi sokongan penuh terhadap inisiatif APPGM-SDG di Parlimen Batu Pahat, selaras dengan usaha untuk mencapai SDG.



### 07 FEBRUARI 2025 - PERBINCANGAN DAN PEMAKLUMAN GERAK KERJA

Perbincangan gerak kerja dan lawatan tapak APPGM-SDG bagi Parlimen Batu Pahat yang akan berlangsung pada 8 hingga 10 Februari 2025 telah diadakan, dipengerusikan oleh Pn. Puteri Abdul Rahman dari KADO. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh SU, ADO, penghulu-penghulu, serta wakil dari Parlimen Sri Gading dan Batu Pahat. Wakil Pejabat Daerah Batu Pahat memberikan sokongan penuh atas inisiatif program ini di daerah Batu Pahat. Manakala pihak APPGM-SDG telah diwakili oleh Dr. Wan Suzita, Zoel Ng, Nur Balqis Osman, dan Karupiah Palaniandy.



### FGD 1: KOMUNITI PENTERNAK LEMBU

FGD 1 yang diadakan di Kampung Sungai Jambi, yang dihadiri oleh 15 orang termasuk YB Batu Pahat, pegawai kawasan, dan penghulu, beberapa isu penting telah dibangkitkan. Antara isu yang berbangkit ialah: **(1)** pasaran yang terhad dan kekurangan sokongan kepada penternak; **(2)** kekurangan bekalan makanan ternakan yang mencukupi; **(3)** tiada penyelarasan antara agensi kerajaan dalam pembangunan komuniti; **(4)** kekurangan penglibatan belia dalam bidang penternakan; dan **(5)** terdapat juga cadangan agar polisi dasar negara disesuaikan mengikut keadaan semasa untuk memperkukuhkan sektor penternakan di kawasan tersebut.



### FGD 2: KOMUNITI BELIA KAMPUNG MELANG RENGIT

Pada sesi FGD 2 yang diadakan bersama komuniti belia di Kampung Melang Rengit, yang melibatkan 15 orang peserta, beberapa isu utama telah dibangkitkan. Antara isu yang berbangkit ialah: **(1)** aktiviti belia yang semakin berkurangan; **(2)** tiada hala tuju yang jelas untuk belia; **(3)** kekurangan sokongan dari pihak kerajaan; **(4)** ketiadaan sijil pengkhususan kemahiran untuk belia; dan **(5)** kurangnya motivasi dalam kalangan belia muda untuk menceburi pelbagai bidang. Isu-isu ini menunjukkan perlunya perhatian dan tindakan yang lebih besar untuk memperkasakan peranan belia dalam komuniti.



### FGD 3: KOMUNITI CINA TAMAN MAJU JAYA RENGIT

FGD 3 telah dilangsungkan bersama Komuniti Cina yang bertempat di Taman Maju Rengit. Beberapa isu telah dibangkitkan termasuklah: **(1)** Isu system pembuangan sampah; **(2)** tiada penyelenggaraan sistem perparitan dan longkang; **(3)** tiada pencahayaan dan lampu jalan; **(4)** tiada peluang pekerjaan; **(5)** keciciran bantuan Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM); **(6)** isu sosial seperti dadah, *vape*, ponteng sekolah, serta kecurian; **(7)** ancaman binatang liar seperti monyet, babi, dan anjing liar; **(8)** kekurangan tenaga anggota polis; **(9)** kemalangan jalan raya; dan **(10)** pendapatan rendah dan tiada kediaman.



### FGD 4: KOMUNITI NELAYAN PARIT BOTAK

FGD 4 yang melibatkan Komuniti Nelayan Parit Botak telah disertai seramai 25 orang termasuk YB Tuan Haji Onn Abu Bakar, pegawai kawasan, pengerusi nelayan dan nelayan. Isu yang dikongsikan ialah: **(1)** keadaan infrastruktur yang tidak sempurna; **(2)** kesukaran untuk mendapatkan lesen bot *fiber*; **(3)** kekeliruan sempadan antara Malaysia dan Indonesia; **(4)** perubahan cuaca yang tidak menentu; **(5)** peningkatan kos operasi nelayan; **(5)** isu pukut tunda; **(6)** pencemaran air yang terjadi akibat buangan sisa ternakan udang; **(7)** kekurangan sumber ikan; **(8)** kekurangan pokok paya bakau; dan **(8)** tiada produk hiliran sebagai sumber ekonomi hiliran.



#### FGD 5: KOMUNITI PENJAJA SENGARANG

FGD 5 telah diadakan bersama komuniti penjaja di Balairaya Siti Halijah, Senggarang, dengan kehadiran seramai 14 orang peserta. Dalam perbincangan tersebut, beberapa isu utama yang telah dibangkitkan ialah: **(1)** peningkatan kos bahan mentah yang memberi tekanan kepada peniaga kecil; **(2)** kesukaran dalam memahami prosedur bantuan yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM); **(3)** peserta turut menghadapi cabaran dalam jualan Rahmah, yang mungkin berkaitan dengan faktor harga dan permintaan; **(4)** faktor masa juga menjadi kekangan; **(5)** kebanyakan penjaja mengakui kurangnya kemahiran dan kepakaran dalam pemasaran digital, yang semakin penting dalam era perniagaan moden; **(6)** isu kos modal turut menjadi perhatian, di mana modal yang terhad menyukarkan pengembangan perniaga; **(7)** malah ada yang mendapati kos modal melebihi keuntungan yang diperolehi; dan **(8)** penjaja menghadapi kesukaran dalam mendapatkan lesen perniagaan, yang menjejaskan operasi mereka secara sah dan berstruktur.



#### FGD 6: KOMUNITI IBU TUNGGAL SENGARANG

Sesi FGD 6 bersama komuniti ibu tunggal di Balairaya Siti Halijah, Penggarang, dihadiri oleh 15 peserta, termasuk YB Tuan Haji Onn Abu Bakar dan pegawai kawasan. Beberapa isu utama dibangkitkan, antaranya: **(1)** masalah pengangkutan yang menyukarkan pergerakan, kekurangan golongan belia di kampung, serta kurangnya aktiviti dalam persatuan ibu tunggal; **(2)** peserta menghadapi cabaran dalam pemasaran digital, yang menghalang mereka daripada memanfaatkan platform dalam talian untuk menjana pendapatan. Isu lain yang turut dibincangkan termasuk: **(3)** pengurusan sampah yang tidak teratur; **(4)** gangguan hidupan liar; serta **(5)** kekerapan kemalangan jalan raya yang membimbangkan penduduk setempat.



### FGD 7: KOMUNITI MANGSA BANJIR DI KAMPUNG SUNGAI SULOH (DUN SENGGARANG)

FGD 7 bersama Komuniti Mangsa Banjir di Kampung Sungai Suloh dihadiri oleh 10 peserta, yang membincangkan beberapa isu utama berkaitan banjir. Antara cabaran yang dihadapi ialah: **(1)** kejadian banjir kilat yang kerap berlaku; **(2)** ketiadaan ban banjir untuk mengurangkan kesan bencana; **(3)** kekangan bajet daripada JPS yang menyukarkan pelaksanaan langkah pencegahan; **(4)** manakala kurangnya kesefahaman antara penduduk dan wakil agensi menyulitkan penyelesaian isu; **(5)** peserta juga menyuarakan kebimbangan mengenai pembangunan yang menghimpit penempatan sedia ada; dan **(6)** kerenah pihak birokrasi yang melambatkan tindakan terhadap masalah banjir.



### FGD 8: KOMUNITI PDK PENGKARAM DI DUN PENGKARAM

FGD 8 bersama Komuniti PDK Pengkaram dan dihadiri oleh 10 peserta telah membincangkan beberapa isu utama berkaitan PDK. Antara cabaran yang dihadapi ialah: **(1)** isu peralatan dan kemudahan; **(2)** Isu pembekuan akaun dan kesukaran akses dana; **(3)** kekangan bajet daripada JKM yang menyukarkan pelaksanaan program OKU; **(4)** manakala, isu elaun petugas dan status pekerjaan; **(5)** kebimbangan perubahan konsep dari pusat pemulihan kepada Jagaan; dan **(6)** Kawasan PDK yang sempit yang menyebabkan semua aktiviti PDK terbatas.



### LAWATAN TAPAK 1 : KEBUN KOMUNITI TAMAN BUKIT FLORA DI TAMAN BUKIT FLORA, BATU PAHAT SENGGARANG

Dalam lawatan tapak antara tanaman utama ialah sawi, salsak, dan serai, yang dijaga secara gotong-royong oleh komuniti. Projek ini memberikan tiga manfaat utama, iaitu **(1)** hasil tanaman boleh digunakan sendiri bagi mengurangkan perbelanjaan makanan harian; **(2)** lebihan hasil boleh dijual sebagai sumber pendapatan tambahan; dan **(3)** hasil juga boleh disedekahkan kepada jiran atau komuniti setempat, menggalakkan semangat kebersamaan. Selain itu, komuniti yang terlibat bersetuju untuk saling menghalalkan hasil yang diambil bagi memastikan kelangsungan projek dalam semangat kerjasama.



### FGD 9: KOMUNITI USAHAWAN TANI DI BUKIT BATU AGROTECH (TANAH TINGGI BUKIT BATU)

FGD 9 bersama komuniti usahawan tani dan dihadiri oleh 22 orang peserta, yang membincangkan beberapa isu utama berkaitan pertanian dan pekebun kecil termasuk: **(1)** kekurangan bantuan dari segi peralatan pertanian seperti dron, Mesin Rutein spray, mesin potong rumput, vakum mesin untuk sejuk beku, peti ais menyejuk beku dan bantuan jentera; **(2)** gangguan haiwan seperti Monyet dan Tupai merosakkan pisang dan durian. Serangga perosak juga merosakkan hasil pertanian; **(3)** perubahan cuaca yang memerlukan penjagaan tanaman sistemetik; dan **(4)** cabaran modal bagi belia yang baru dalam pertanian kerana menghadapi kekangan ekonomi.



#### FGD 10: BERSAMA ORANG ASLI DI KG DESA SRI BANANG, MINYAK BEKU

FGD 10 bersama komuniti Orang Asli di Kg Seri Banang, Minyak Beku dan dihadiri oleh 7 orang peserta termasuk Tok Batin, JPKK, Ketua Kampung yang membincangkan beberapa isu utama berkaitan kehidupan komuniti orang Asli termasuk: **(1)** masalah pembuangan sampah di sekitar kawasan perumahan kampung orang Asi. Tiada tempat pembuangan sampah atau tong sampah besar yang disediakan oleh pihak Majlis; **(2)** isu perumahan kepada keluarga Orang Asli; **(3)** masalah banjir dari Sungai Batu Pahat, perlukan benteng tadahan air Sungai. sistem perparitan dan longkang yang sudah lama dan rosak menjadi punca banjir; **(4)** kesukaran untuk mendapatkan lesen nelayan laut; **(5)** masalah Jeti yang lama; **(6)** isu tiada pendapatan tetap; **(7)** isu sosial seperti dadah, vape, kecurian dan jualan arak; dan **(8)** isu pendidikan anak-anak Orang Asli menjadi masalah kerana peratusan pelajar ponteng sekolah adalah terlalu tinggi.

# **BAHAGIAN B**

## **Laporan Pemetaan Isu** **P.150 Batu Pahat**

**Senarai Jadual**

|           |                                                             |
|-----------|-------------------------------------------------------------|
| Jadual 1  | Pecahan penduduk mengikut kaum utama di Parlimen Batu Pahat |
| Jadual 2  | Tentatif Lawatan Tapak Pemetaan Isu Parlimen Batu Pahat     |
| Jadual 3  | Rangkuman Isu Rentas SDG                                    |
| Jadual 4  | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1                       |
| Jadual 5  | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2                       |
| Jadual 6  | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3                       |
| Jadual 7  | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4                       |
| Jadual 8  | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5                       |
| Jadual 9  | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6                       |
| Jadual 10 | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7                       |
| Jadual 11 | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8                       |
| Jadual 12 | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 9                       |
| Jadual 13 | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 10                      |
| Jadual 14 | Ringkasan Isu 1                                             |
| Jadual 15 | Ringkasan Isu 2                                             |
| Jadual 16 | Ringkasan Isu 3                                             |
| Jadual 17 | Pengenalpastian Projek Penyelesaian                         |

**Senarai Rajah**

|         |                                                                                                  |
|---------|--------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Rajah 1 | Perbincangan bersama belia, ADUN Rengit, Parlimen Batu Pahat                                     |
| Rajah 2 | Bersama komuniti nelayan laut Parit Botak, Parlimen Batu Pahat                                   |
| Rajah 3 | Suasana persekitaran jeti nelayan bersama komuniti nelayan Laut Parit Botak, Parlimen Batu Pahat |
| Rajah 4 | Suasana persekitaran kampung bersama komuniti Orang Asli, Parlimen Batu Pahat                    |
| Rajah 5 | Suasana persekitaran sampah di Kg Orang Asli, Seri Banang                                        |

## Senarai Singkatan

|                  |                                                                             |
|------------------|-----------------------------------------------------------------------------|
| <b>AADK</b>      | Agensi Anti Dadah Kebangsaan                                                |
| <b>APPGM-SDG</b> | <i>All-Party Parliamentary Group Malaysia-Sustainable Development Goals</i> |
| <b>CF</b>        | <i>Certificate of Fitness</i>                                               |
| <b>DUN</b>       | Dewan Undangan Negeri                                                       |
| <b>FGD</b>       | <i>Focus Group Discussion</i>                                               |
| <b>INTAN</b>     | Institut Tadbiran Awam Negara                                               |
| <b>IPD</b>       | Ibu Pejabat Polis Daerah Batu Pahat                                         |
| <b>JAS</b>       | Jabatan Alam Sekitar                                                        |
| <b>JKK</b>       | Jawatankuasa Kemajuan Kampung                                               |
| <b>JKM</b>       | Jabatan Kebajikan Masyarakat                                                |
| <b>JKR</b>       | Jabatan Kerja Raya                                                          |
| <b>JPS</b>       | Jabatan Pengairan Dan Saliran                                               |
| <b>KRT</b>       | Kawasan Rukun Tetangga                                                      |
| <b>OKU</b>       | Orang Kurang Upaya                                                          |
| <b>PBT</b>       | Pihak Berkuasa Tempatan                                                     |
| <b>PDRM</b>      | Polis Diraja Malaysia                                                       |
| <b>PDTKP</b>     | Pejabat Daerah Batu Pahat                                                   |
| <b>PIBG</b>      | Persatuan Ibu Bapa dan Guru                                                 |
| <b>PKI</b>       | Pendidikan Khas Integrasi                                                   |
| <b>PPDK</b>      | Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti                                         |
| <b>PPR</b>       | Program Perumahan Rakyat                                                    |
| <b>RMT</b>       | Rancangan Makanan Tambahan                                                  |
| <b>SDG</b>       | <i>Sustainable Development Goals</i>                                        |
| <b>SK</b>        | Sekolah Kebangsaan                                                          |
| <b>SMK</b>       | Sekolah Menengah Kebangsaan                                                 |
| <b>SUK</b>       | Setiausaha Kerajaan Negeri                                                  |
| <b>TM</b>        | Telekom Malaysia                                                            |

## 1.0 PENGENALAN

Parlimen Batu Pahat terletak di daerah Batu Pahat di Johor, Malaysia. Daerah ini terletak di tenggara Muar, barat daya Kluang, timur laut Pontian dan selatan Segamat. Daerah ini adalah satu daripada sepuluh daerah di Johor. Daerah ini berkeluasan 1,872.58 kilometer persegi. Semasa kajian ini dijalankan, parlimen ini di bawah Ahli Parlimen YB Onn bin Abu Bakar daripada Pakatan Harapan. YB Onn Bin Abu Bakar memenangi pilihanraya umum ke-15 dengan menang majoriti 15,972 undi.



**YB Onn bin Abu Bakar**

Parlimen Batu Pahat terdiri daripada tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu DUN Rengit, Senggarang dan Penggaram. Manakala, pihak berkuasa tempatan parlimen Batu Pahat ditadbir oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat. Daerah ini, merangkumi 189 buah kampung dan 5 buah mukim, iaitu Minyak Beku, Bagan, Beserai, Seri Medan, Simpang Kiri dan Kanan. Parlimen Batu Pahat juga turut ditadbir oleh 3 pusat penempatan utama, 9 pusat penempatan kecil melibatkan kampung tradisional, kampung baru, tersusun dan perkampungan orang asli. Manakala, 4 bandar kecil merangkumi bandar Ayer Hitam, Penggaram, Rengit, dan Senggarang.

### 1.1 Geografi/Topografi

Secara keseluruhannya, keadaan bentuk muka bumi di daerah ini adalah dalam kategori tanah beralun, berbukit dan rendah di mana 363,003.36 hektar (95.40 peratus) berada di bawah 150 meter. Manakala kawasan selebihnya, iaitu 11,912.84 hektar (3.13 peratus) adalah di dalam kategori tanah bukit (150 meter - 300 meter) dan 5,583.80 hektar di dalam kategori tanah tinggi (300 meter - 1,000 meter). Manakala, daripada aspek kecerunan, kawasan seluas 358,654.18 hektar (98.22 peratus) mempunyai kecerunan kurang daripada 25 darjah, iaitu Kelas I dan Kelas II.

Selain itu, 50 peratus kawasan tanah tinggi adalah sederhana dan masih lagi diliputi 45 peratus oleh hutan daripada keseluruhan keluasan Batu Pahat. Daerah Batu Pahat mencatatkan kawasan perhutanan seluas 187,232.49 hektar. Sementara itu, iklim di daerah ini adalah iklim khatulistiwa dengan purata suhu adalah 27.74 °C (79.5 °F) dengan Purata suhu ialah 27.74 °C (70.5 °F). Namun begitu, Daerah Batu Pahat merupakan kawasan berisiko banjir kerana kedudukannya di lembangan Sungai Batu Pahat yang akan menyebabkan berlakunya limpahan air sungai dan banjir kilat di Kg Sg Suloh, Senggarang dan air pasang besar mempengaruhi kawasan Taman Batu Pahat, Taman Nira dan Kg Low Piak.

## 1.2 Komposisi Penduduk

Kawasan Parlimen Batu Pahat adalah 1,872.58 kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai 160,799 yang merangkumi DUN Rengit dengan jumlah penduduk 7,757 orang, DUN Senggarang dengan 12,976 dan DUN Penggarang dengan 25,346 orang. Parlimen Batu Pahat mempunyai kepadatan penduduk 372 orang per satu kilometer persegi. Justeru itu, parlimen ini mencatatkan bilangan lelaki melebihi perempuan dengan nisbah jantina 108 lelaki bagi setiap 100 orang perempuan. Kawasan Parlimen Batu Pahat didiami oleh penduduk terdiri daripada 159,314 warganegara dan 6,696 bukan warganegara (Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Majoriti penduduk di kawasan ini adalah Melayu, 8, 5995 orang (53.48 peratus), diikuti Cina, 7, 2020 orang (1.4 peratus), India, 2, 028 orang (1.26 peratus) dan lain-lain 756 orang (0.47 peratus) seperti yang dijelaskan dalam Rajah 1.4. Di daerah batu Pahat terdapat 34 buah perkampungan Melayu dan perkampungan orang asli. Manakala, lokaliti ini meliputi unit terkecil penempatan penduduk seperti taman perumahan, kampung tradisi, kampung baru dan di tepi jalan.

Jadual 1. Pecahan penduduk mengikut kaum utama di Parlimen Batu Pahat

| BIL.               | ETNIK     | BILANGAN | PERATUS (%) |
|--------------------|-----------|----------|-------------|
| 1.                 | CINA      | 72,020   | 44.79       |
| 2.                 | MELAYU    | 85,995   | 53.48       |
| 3.                 | INDIA     | 2,028    | 1.26        |
| 4.                 | LAIN_LAIN | 756      | 0.47        |
| JUMLAH KESELURUHAN |           | 160,799  | 100.00      |

## 1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Tumpuan pembangunan ekonomi utama di daerah Batu Pahat adalah dalam bidang pertanian, iaitu kelapa sawit, getah, ternakan, sayur-sayuran, padi, buah-buahan dengan keluasan 123,116.62 hektar (56.75 peratus) diikuti dengan 123.63 hektar guna tanah kluster perindustrian sederhana dan ringan contohnya Sri Sulong, Tongkang Pechah dan pusat pengumpulan IKS Rengit. Manakala, untuk aktiviti penternakan haiwan, sebanyak 79 ribu ekor ternakan telah dicatatkan atas usaha oleh 2,753 orang penternak (2023). Untuk aktiviti perikanan marin, terdapat seramai 1,025 orang nelayan laut yang bergiat menangkap ikan dengan 652 buah peralatan berdaftar dan menghasilkan sejumlah 1,543.4 tan hasil tangkapan marin (2021). Bagi aktiviti perikanan darat, seramai 291 orang nelayan darat berdaftar telah direkodkan. Manakala, bagi aktiviti akuakultur, terdapat seramai 341 orang penternak akuakultur telah melibatkan diri dalam aktiviti ini dengan mengusahakan sistem sangkar dan kolam.

#### 1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Kerangka konseptual SDG apabila diterjemahkan ke peringkat tempatan di Batu Pahat membolehkan pendekatan yang lebih holistik dan bersesuaian dengan keadaan sebenar masyarakat dan persekitaran setempat. Keserasian antara matlamat global dan keunikan tempatan ini penting untuk memastikan pembangunan yang inklusif, lestari dan berdaya tahan dengan menyasarkan pembangunan yang adil dan mampan merentas tiga dimensi utama, iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar. Justeru itu, bagi memastikan matlamat ini tercapai antara SDG dan konteks tempatan Batu Pahat, satu analisis ringkas telah dilakukan untuk melihat sejauh mana kawasan dan daerah Batu Pahat dapat memberi impak kepada pencapaian matlamat SDG antaranya:

Kedudukan fizikal kawasan yang tanah beralun, dan rendah dan topografinya meliputi sungai, muara laut dan beberapa bukit kecil mencapai sehingga 400-560 m, menjadikannya kawasan yang beragam secara fizikal dan ekologi. Kedudukannya menghadap Selat Melaka dan dikelilingi oleh daerah Muar, Kluang, Segamat dan Pontian menyebabkan kawasan Batu pahat menerima hujan lebat sepanjang tahun, sungai dan tanahnya lembap dengan risiko hakisan pesisir dan banjir akibat kenaikan paras laut. Walau bagaimanapun, dalam aspek perancangan, kawasan tersebut membangun sebagai kawasan pinggir bandar yang strategik daripada segi penempatan, jaringan pengangkutan, kemudahan asas, pertanian dan perkhidmatan. Oleh yang demikian, SDG yang berkaitan adalah;

**Matlamat SDG 11 - Bandar dan Komuniti Mampan.** Manakala sasaran adalah:

**Sasaran 11.3:** Menjelang 2030, meningkatkan perbandaran yang menyeluruh dan mampan, serta keupayaan untuk perancangan dan pengurusan penempatan manusia yang menggalakkan penyertaan, mampan dan bersepadu di semua negara.

**Sasaran 11.a:** Menyokong hubungan ekonomi, sosial dan alam sekitar yang positif antara bandar, persisiran bandar dan kawasan luar bandar dengan memperkukuh pelan pembangunan kebangsaan dan serantau.

**Matlamat SDG 13: Tindakan Memerangi Perubahan Iklim.** Manakala sasaran yang berkaitan adalah seperti berikut:

**Sasaran 13.b:** Menggalakkan mekanisme untuk meningkatkan keupayaan bagi perancangan dan pengurusan berkaitan perubahan iklim yang berkesan di negara kurang membangun dan negara pulau kecil membangun, termasuk tumpuan pada wanita, belia, masyarakat tempatan dan golongan terpinggir.

**Matlamat SDG 15: Kehidupan Darat.** Manakala sasaran adalah:

**Sasaran 15.2:** Menjelang 2020, menggalakkan pelaksanaan pengurusan mampan bagi semua jenis hutan, menghentikan penebangan hutan, memulihkan hutan yang mengalami kemerosotan dan meningkatkan dengan ketara penghutanan dan penghutanan semula secara global.

**Sasaran 15.3:** Menjelang 2030, mencegah penggurunan, memulihkan tanah-tanah yang mengalami kemerosotan, termasuk tanah yang terjejas oleh penggurunan, kemarau dan banjir serta berusaha untuk mencapai keamanan dunia tanpa kemerosotan tanah.

Dalam aspek ekonomi, Parlimen Batu Pahat mempunyai ekonomi tempatan yang pelbagai dan kukuh kerana mempunyai industri tekstil & perabot yang besar, pertanian yang kaya dengan pelbagai tanaman, sektor perikanan yang aktif, dan sumber pelancongan yang kaya dengan warisan dan makanan tempatan yang menarik. Perkembangan industri tekstil dan aktiviti ekonomi lain telah menyediakan peluang pekerjaan kepada belia, penduduk tempatan dan meningkatkan jaringan syarikat tempatan. Contohnya galakan kepada industri kecil dan sederhana (IKS) di Rengit, Penggaram dan kawasan luar bandar. Usaha kerajaan dan komuniti semakin menumpu kepada penggunaan teknologi, pembangunan infrastruktur bersepadu dan pemulihan kawasan warisan untuk menjana pertumbuhan lestari. Inisiatif ini sejajar dengan matlamat SDG;

**Matlamat SDG 1: Tiada Kemiskinan.** Manakala sasaran adalah:

**Sasaran 1.1 :** Menjelang 2030, membasmi kemiskinan tegar untuk semua manusia di seluruh dunia, yang kini diukur sebagai individu dengan kos sara hidup kurang daripada \$1.25 sehari.

**Sasaran 1.3:** Melaksanakan sistem dan langkah perlindungan sosial yang sesuai di seluruh negara untuk semua orang, termasuk peringkat perlindungan, serta mencapai perlindungan yang mencukupi bagi golongan miskin dan berisiko menjelang 2030.

**Sasaran 1.a:** Memastikan penajaan sumber penting daripada pelbagai sumber, termasuk melalui kerjasama pembangunan yang dipertingkatkan, bagi menyediakan kaedah yang mencukupi dan boleh diramal bagi negara

membangun, khususnya negara kurang membangun, untuk melaksanakan program dan dasar bagi menamatkan semua dimensi kemiskinan.

**SDG 2: Sifar kebuluran.** Manakala sasaran matlamat yang disarankan adalah:

**Sasaran 2.3:** Menjelang 2030, menggandakan keluaran pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, terutamanya wanita, peribumi, keluarga petani, ahli pastoral dan nelayan, termasuk melalui akses yang selamat dan sama rata kepada tanah, sumber dan input produktif lain, pengetahuan, perkhidmatan kewangan, pasaran dan peluang bagi penambahan nilai dan pekerjaan bukan perladangan.

**Sasaran 2.4:** Menjelang 2030, memastikan sistem pengeluaran makanan yang mampan dan melaksanakan amalan pertanian berdaya tahan yang meningkatkan produktiviti dan pengeluaran serta membantu mengekalkan ekosistem secara progresif.

**SDG 8: Pekerjaan Yang Baik & Pertumbuhan Ekonomi.** Sasaran berkaitan adalah:

**Sasaran 8.1:** Mengekalkan pertumbuhan ekonomi per kapita selaras dengan keadaan negara, dan secara khusus, sekurang-kurangnya 7 peratus pertumbuhan dalam negeri kasar setahun di negara kurang membangun.

**Sasaran 8.3:** Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana, termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan.

**Matlamat 17: Kerjasama Mencapai Matlamat.** Manakala sasaran antaranya:

**Sasaran 17.17:** Menggalakkan dan mempromosikan perkongsian berkesan antara pihak awam, awam-swasta dan masyarakat sivil yang dibina berdasarkan pengalaman dan strategi bersumberkan perkongsian.

**Sasaran 17.15:** Menghormati ruang dasar dan kepimpinan setiap negara untuk mewujudkan dan melaksanakan dasar bagi pembasmian kemiskinan dan pembangunan mampan.

Dalam aspek sosial, Parlimen Batu Pahat menghadapi cabaran pembangunan luar bandar dan kawasan bandar kecil dengan kos sara hidup tinggi, jurang akses kesihatan dan internet, serta kekurangan peluang pekerjaan untuk belia. Inisiatif dasar seperti pembinaan infrastruktur, insentif untuk perniagaan desa dan sokongan latihan teknikal boleh mengurangkan jurang ini dan memperbaiki kesejahteraan masyarakat. Sebagai contoh, di kawasan luar bandar, termasuk mukim di Batu Pahat, terdapat jurang infrastruktur asas seperti jalan raya dan air terawat, kemudahan kesihatan seperti Hospital Sultanah Nora Ismail berada di kawasan bandar utama, namun klinik kesihatan desa dan pusat kesihatan jauh dan memerlukan perjalanan yang panjang dan memberi kesan terutama kepada warga emas, mangsa kemalangan dan OKU (Orang Kurang Upaya). Perspektif ini adalah sejajar dengan matlamat SDG 9, iaitu:

**Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur.** Manakala sasaran adalah melibatkan:

**Sasaran 9.1:** Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia.

**Sasaran 9.4:** Menjelang 2030, menaik taraf infrastruktur dan menaik taraf industri untuk menjadikannya mampan, dengan kecekapan penggunaan sumber yang lebih baik dan penggunaan proses industri dan teknologi bersih dan mesra alam yang lebih banyak.

**Matlamat 10: Mengurangkan Ketaksamaan.** Sasaran pula merangkumi iaitu:

**Sasaran 10.2:** Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan penyertaan semua dalam politik, ekonomi dan sosial tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, kaum, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain.

**Sasaran 10.3:** Memastikan peluang sama rata dan mengurangkan keputusan yang tidak adil, termasuk dengan menghapuskan undang-undang, dasar dan amalan bersifat diskriminasi, serta menggalakkan perundangan, dasar dan tindakan yang sesuai dalam hal ini.

**SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan.** Sasaran terlibat adalah:

**Sasaran 11.1:** Menjelang 2030, memastikan akses kepada perumahan dan perkhidmatan asas yang mencukupi, selamat dan mampu milik untuk semua, serta menaik taraf kawasan sesak.

**Sasaran 11.3:** Menjelang 2030, meningkatkan perbandaran yang menyeluruh dan mampan, serta keupayaan untuk perancangan dan pengurusan penempatan manusia yang menggalakkan penyertaan, bersepadu dan mampan di semua negara.

**Sasaran 11.7:** Menjelang 2030, menyediakan akses sejagat yang selamat, menyeluruh dan mudah dicapai kepada kawasan hijau dan tempat awam, khususnya untuk wanita dan kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya.

**Matlamat 17: Kerjasama Mencapai Matlamat.** Sasaran berkaitan SDG 17 adalah:

**Sasaran 17.17:** Menggalakkan dan mempromosikan perkongsian berkesan antara pihak awam, awam-swasta dan masyarakat sivil yang dibina berdasarkan pengalaman dan strategi bersumberkan perkongsian.

**Sasaran 17.15:** Menghormati ruang dasar dan kepimpinan setiap negara untuk mewujudkan dan melaksanakan dasar bagi pembasmian kemiskinan dan pembangunan mampan.

Secara keseluruhannya, kerangka SDG menyediakan panduan menyeluruh yang boleh disesuaikan dengan cabaran dan potensi tempatan Batu Pahat. Penerapan SDG secara kontekstual dapat membantu menjadikan pembangunan lebih inklusif, lestari dan seimbang merentasi dimensi alam sekitar, ekonomi dan sosial dengan menumpukan kepada keperluan dan penglibatan komuniti secara langsung di peringkat akar umbi.

## 2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

### 2.1 Pendekatan Kajian

Pengumpulan data untuk lawatan tapak di Parlimen Batu Pahat dilakukan melalui kaedah kajian lapangan dan perbincangan kumpulan berfokus. Mesyuarat awalan telah dilakukan oleh ketua penyelidik bagi kawasan Parlimen Batu Pahat, iaitu Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim bersama dengan YB Onn Abu Bakar pada 11 Disember 2024. Turut hadir bersama wakil APPGM- SDG adalah Puan Nurul Syaza. Sesi ini dimulakan dengan sesi pengenalan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (All-Party Parliamentary) (APPGM-SDG) oleh Dr. Wan Suzita sebelum perbincangan pembentukan profil Parlimen Batu Pahat dijalankan. Tujuan perbincangan ini untuk mengenalpasti isu-isu di kawasan kajian.

Tarikh bagi pra-lawatan (pre-visit) telah dilakukan pada 7hb Februari 2025 oleh Dr. Wan Suzita, Cik Zoel Ng, Puan Balqis dan Mr. Karuppiah bersama pegawai parlimen Batu Pahat. Semasa sesi pra-lawatan ini, kami turut berjumpa dengan Penolong Pegawai Daerah Batu Pahat (Unit Pembangunan Daerah), Puan Puteri Binti Ihsan. Mesyuarat pra-lawatan ini turut dihadiri oleh wakil DUN dan penghulu-penghulu Mukim di kawasan parlimen Batu Pahat.

Sehubungan dengan itu, lawatan tapak telah dijalankan selama tiga hari bermula dari 8 hingga 10 Februari 2024 dan sesi perbincangan bersama agensi kerajaan yang terlibat telah diadakan selepas kerja lapangan selesai dijalankan iaitu pada 17 Jun 2025. Teknik yang telah digunakan bersama komuniti ialah melalui kaedah perbincangan fokus kumpulan (FGD) secara bersemuka. Sesi perbincangan ini telah dijalankan oleh empat orang pihak penyelidik APPGM-SDG bersama komuniti semasa lawatan tapak diadakan. Perbincangan ini, melibatkan beberapa lokasi dengan komuniti dan isu yang berbeza menjadi cabaran dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Pada hari pertama, pihak APPGM-SDG berpeluang bersama dengan komuniti pengusaha petani dan penternak, DUN Rengit. Turut hadir bersama adalah YB Onn Abu Bakar dan wakil parlimen. Seterusnya, pasukan kajian menemubual wakil belia di Kg Pt Tengah, Seri Merlong Rengit, berkaitan isu-isu semasa belia. Kumpulan penyelidik kemudian bergerak ke sesi dialog ketiga bersama komuniti penduduk Cina di Taman Maju Jaya, Rengit. Manakala, sesi terakhir untuk hari pertama diteruskan dengan dialog dan lawatan bersama komuniti nelayan laut, Parit Botak (Senggarang).

Bagi hari kedua, sesi dialog dijalankan bersama 20 ibu tunggal dan peniaga di Balai raya Hajah Khadijah, Senggarang. Sesi dialog seterusnya adalah bersama mangsa banjir di Pusat Komuniti Kg Sungai Suloh, Senggarang dan berakhir dengan sesi lawatan ke kawasan banjir kilat di Low Piak, Taman Nira Batu Pahat, Penggaram. Manakala, untuk hari ketiga, sesi dialog diteruskan bersama PDK Penggaram dan lawatan ke Kebun Komuniti Taman Bukit Flora. Seterusnya sesi dialog dijalankan bersama komuniti Usahawan Tani di Bukit Batu Agrotech (Tanah Tinggi Bukit Batu) (Senggarang). Sesi terakhir pada hari ketiga adalah bersama komuniti Orang Asli, Sri Banang Minyak Beku dan lawatan ini turut disertai oleh, ketua kampung dan wakil penduduk orang asli.

Manakala perbincangan secara terperinci bersama agensi kerajaan telah dijalankan pada 17 Jun 2025, jam 9.30 pagi hingga 12.30 tengah hari di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah Batu Pahat. Seramai 25 wakil daripada pelbagai agensi kerajaan termasuk NGO dan swasta dijemput. Pengutamaan isu bersama YB Batu Pahat telah dijalankan lebih awal pada 19 Februari 2025 di Bangunan Parlimen Malaysia untuk mengenalpasti projek-projek yang

akan dilaksanakan di Parlimen Batu Pahat. Ringkasan tentatif lawatan tapak pemetaan isu Parlimen Batu Pahat adalah seperti berikut:

Jadual 2. Tentatif Lawatan Tapak Pemetaan Isu Parlimen Batu Pahat

| TARIKH           | PROGRAM/SESI                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 11 Disember 2024 | <ul style="list-style-type: none"> <li>Mesyuarat Awal dan Pembentukan Profil Kawasan Parlimen Batu Pahat</li> </ul>                                                                                                                                                                                                         |
| 7 Februari 2025  | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pra-lawatan dan Perbincangan Bersama DO Batu Pahat</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                        |
| 8 Februari 2025  | <ul style="list-style-type: none"> <li>Sesi Dialog 1 Bersama Komuniti Penternakan, Sungai Jambi (Rengit)</li> <li>Sesi Dialog 2 Bersama Belia di Pt Tengah &amp; Sri Merlong, Rengit</li> <li>Sesi Dialog 3 Bersama Komuniti Cina di DUN Rengit</li> <li>Sesi Dialog 4 Bersama Komuniti Nelayan Laut Parit Botak</li> </ul> |
| 9 Februari 2025  | <ul style="list-style-type: none"> <li>Sesi Dialog 5 Bersama Komuniti Peniaga/Penjaja di Senggarang</li> <li>Sesi Dialog 6 Bersama Ibu Tunggal di Senggarang</li> <li>Sesi Dialog 7 Bersama Mangsa Banjir di Sungai Suloh</li> <li>Lawatan di kawasan banjir, Penggaram</li> </ul>                                          |
| 10 Februari 2025 | <ul style="list-style-type: none"> <li>Sesi Dialog 8 bersama PDK di Penggaram</li> <li>Lawatan ke Kebun Komuniti Taman Bukit Flora</li> <li>Sesi Dialog 9 Bersama Komuniti Usahawan Tani</li> <li>Sesi Dialog 10 bersama Komuniti Orang Asli di Seri Banang, Minyak Beku</li> </ul>                                         |
| 19 Februari 2025 | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengutamaan isu-isu bersama Ahli Parlimen Batu Pahat</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                      |
| 17 Jun 2025      | <ul style="list-style-type: none"> <li>Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                       |

## 2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Ketua penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Batu Pahat, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

## 2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Kekangan yang wujud adalah semasa sesi dialog bersama komuniti orang asli di Sri Banang. Kerana kebanyakan daripada komuniti menganggap pihak penyelidik hadir untuk memberi bantuan dan seringkali peserta sesi dialog bertanyakan apakah jenis bantuan yang pihak penyelidik boleh hulurkan.

Kekangan kedua adalah kerjasama daripada pegawai agensi kerajaan yang terlibat semasa kerja lapangan dan pembentangan isu dijalankan kerana ada dalam kalangan mereka terpaksa menghadiri program bersama pihak lain. Keadaan ini menyebabkan input penting tidak diperolehi secara terperinci dan agak terhad.

## **2.4 Keterbatasan Kajian**

Secara umumnya, terdapat batasan kajian yang telah dikenalpasti antaranya:

Batasan pertama, masih terdapat isu-isu yang agak sukar diatasi dalam tempoh masa yang terdekat walau pun pihak APPGM-SDG dan pihak kerajaan menjadi pihak berkepentingan dalam menyelesaikan isu-isu semasa contohnya isu banjir, komuniti Orang Asli Sri Banang, Minyak Beku dan golongan penternakan.

Batasan kedua adalah tempoh kerja lapangan yang dijalankan selama 3 hari yang ada pada pasukan penyelidik adalah singkat. Namun, penyelidik sentiasa mencari peluang untuk berjumpa dengan komuniti bagi mendapatkan maklumat kajian yang tepat dan jalan penyelesaian yang baik daripada semua pihak.

### 3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Berikut adalah lima isu utama yang dikenal pasti sebagai keutamaan dan memerlukan perhatian segera. Isu-isu ini dipilih kerana impaknya yang besar terhadap kesejahteraan penduduk dan kaitannya dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG):

Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG

| BIL. | ISU UTAMA                                                             | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | DIMENSI | KUMPULAN SASARAN                                                                                                             | KAWASAN SASARAN                                                                                                                                   | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                                                                                                                                                                                |
|------|-----------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1    | Kesukaran bagi permohonan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) | <p>Kebanyakan rumah di kampung adalah usang dan tidak selesa serta didiami oleh 2,3 keluarga.</p> <p>Keperluan perumahan tidak mencukupi terutama untuk golongan belia, B40 dan Orang Asli.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, komuniti memaklumkan sukar untuk mohon rumah mesra rakyat kerana banyak prosedur yang tidak dapat dipenuhi seperti tiada geran secara sah dan slip gaji.</p> | Sosial  | <p>Komuniti Cina,</p> <p>Komuniti Ibu Tunggal</p> <p>Belia- Kg Pt Tengah, Seri Merlong Rengit (Rengit)</p> <p>Orang Asli</p> | <p>Jalan Silat, Taman Maju Jaya, Rengit. (Rengit).</p> <p>Kg Pt Tengah, Seri Merlong Rengit</p> <p>Orang Asli Kg Desa Sri Banang, Minyak Beku</p> | <p><b>SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan</b></p> <p>Sasaran 11.3: Menjelang 2030, meningkatkan perbandaran yang menyeluruh dan mampan, serta keupayaan untuk perancangan dan pengurusan penempatan manusia yang menggalakkan penyertaan, mampan dan bersepadu di semua negara</p> |

| BIL. | ISU UTAMA                                            | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | DIMENSI | KUMPULAN SASARAN                                                           | KAWASAN SASARAN                                                                                             | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
|------|------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|----------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 2    | Keciciran pendidikan dan ketidakhadiran pembelajaran | <p>Anak-anak Orang Asli tidak berminat untuk bersekolah seawal umur 9 tahun kerana tiada minat, tiada dorongan, pengaruh adik-beradik atau rakan, ibu bapa yang kurang memberi motivasi kepada anak-anak dan pengaruh daripada rakan sebaya.</p> <p>Masalah ponteng sekolah dalam kalangan pelajar Cina di sekolah menengah dan guru sekolah tidak beri tumpuan kepada pelajar-pelajar yang bermasalah.</p> | Sosial  | <p>Belia</p> <p>Pelajar sekolah</p> <p>Orang Asli</p> <p>Komuniti Cina</p> | <p>Orang Asli Kg Desa Sri Banang, Minyak Beku</p> <p>Jalan Silat, Taman Maju Jaya, Rengit. (DUN Rengit)</p> | <p><b>SDG 4: Pendidikan Berkualiti</b></p> <p>Sasaran 4.4: Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional untuk penggajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan</p> <p>Sasaran 4.7: Menjelang 2030, memastikan semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menggalakkan pembangunan mampan, termasuk antara lainnya, melalui pendidikan untuk pembangunan mampan</p> <p><b>Matlamat 10: Pengurangan Ketaksamaan.</b></p> <p>Sasaran 10.2: Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan penyertaan semua dalam politik, ekonomi</p> |

| BIL. | ISU UTAMA          | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | DIMENSI | KUMPULAN SASARAN                                                              | KAWASAN SASARAN                                                                                     | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|------|--------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|-------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |         |                                                                               |                                                                                                     | dan sosial tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, kaum, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
| 3    | Peminggiran sosial | <p>Tingkah laku anti-sosial seperti penagihan dadah, vape, ketum, arak dan kecurian.</p> <p>Kes penggunaan vape semakin meningkat dalam kalangan belia.</p> <p>Masalah penjualan dadah yang semakin berleluasa di dalam kampung mereka. Walaupun laporan telah dibuat kepada pihak berkuasa, termasuk AADK dan unit narkotik, namun tiada tindakan tegas diambil.</p> <p>Jika berterusan akan mengganggu generasi muda dan memerlukan</p> | Sosial  | <p>Belia &amp; Persatuan Belia</p> <p>Orang Asli</p> <p>Penduduk setempat</p> | <p>Kg Pt Tengah, Seri Merlong Rengit (Rengit)</p> <p>Orang Asli Kg Desa Sri Banang, Minyak Beku</p> | <p><b>SDG 3: Kesihatan dan Kesejahteraan Baik</b></p> <p>Sasaran 3.5: Mengukuhkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan pengambilan alkohol yang memudaratkan</p> <p><b>SDG 16: Keamanan, Keadilan, dan Institusi yang Kukuh</b></p> <p>Sasaran 16a: Memperkukuh institusi negara yang relevan, termasuk menerusi kerjasama antarabangsa, untuk membina keupayaan pada semua peringkat, khususnya di negara membangun untuk menghalang keganasan serta</p> |

| BIL. | ISU UTAMA                  | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | DIMENSI        | KUMPULAN SASARAN                                                                                                        | KAWASAN SASARAN                                                                                                                          | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|------|----------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                            | tindakan pihak berkuasa polis.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |                |                                                                                                                         |                                                                                                                                          | memerangi keganasan dan jenayah                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
| 4.   | Kos sara hidup yang tinggi | <p>Peningkatan perbelanjaan harian yang perlu ditanggung oleh individu atau isi rumah untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal, pengangkutan, pendidikan, dan penjagaan kesihatan.</p> <p>Isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana terpaksa menanggung beban peningkatan kos hidup yang tinggi.</p> <p>Kemampuan komuniti nelayan, ibu tunggal, penjaja agak terhad kerana mereka kebanyakan tidak mempunyai pendapatan yang tetap dan golongan B40.</p> | Ekonomi Sosial | <p>Nelayan</p> <p>Orang Asli</p> <p>Ibu Tunggal</p> <p>Penjaja/Peniaga</p> <p>Golongan B40</p> <p>Penduduk tempatan</p> | <p>Nelayan Parit Botak (DUN Senggarang)</p> <p>Orang Asli Kg Desa Sri Banang, Minyak Beku</p> <p>DUN Penggaram, Senggaram dan Rengit</p> | <p><b>SDG 1: Tiada Kemiskinan</b></p> <p>Sasaran 1.2: Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah lelaki, wanita dan kanak-kanak daripada setiap peringkat umur yang hidup dalam semua dimensi kemiskinan menurut takrif nasional</p> <p>Sasaran 1.3: Melaksanakan sistem dan langkah perlindungan sosial yang sesuai di seluruh negara untuk semua orang, termasuk peringkat perlindungan, serta mencapai perlindungan yang mencukupi bagi golongan miskin dan berisiko menjelang 2030</p> <p><b>SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi</b></p> |

| BIL. | ISU UTAMA                                       | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | DIMENSI      | KUMPULAN SASARAN                | KAWASAN SASARAN                                                                                         | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|------|-------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------|---------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |              |                                 |                                                                                                         | Sasaran 8.1: Mengekalkan pertumbuhan ekonomi per kapita selaras dengan keadaan negara, dan secara khusus, sekurang-kurangnya 7 peratus pertumbuhan dalam negeri kasar setahun di negara kurang membangun                                                                                                                                                                                                                                                 |
| 5.   | Masalah banjir dan banjir kilat yang berterusan | <p>Masalah banjir dari Sungai Batu Pahat, perlukan benteng tadahan air sungai. Perlu memperbaiki sistem perparitan dan longkang yang sudah lama dan rosak menjadi punca banjir dan limpahan air memasuki kawasan kediaman.</p> <p>Banjir di Sg.Suloh yang berada di kawasan rendah dan berdekatan dengan kampung, perlu didalamkan kerana ia dipenuhi dengan lumpur. Setiap kali banjir Sungai</p> | Alam sekitar | Orang Asli<br>Penduduk tempatan | <p>Kg OA Desa Sri Banang</p> <p>Kampung Sg Suloh</p> <p>Low Piak, Taman Nira Batu Pahat (Penggaram)</p> | <p><b>Matlamat 3: Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik.</b></p> <p>Sasaran 3.8: Mencapai perlindungan kesihatan sejagat, termasuk perlindungan risiko kewangan, akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang penting dan berkualiti serta selamat, berkesan, berkualiti dan mampu dimiliki oleh semua</p> <p><b>Matlamat 13: Perubahan Iklim, Dasar, Strategi &amp; Pelan Negara</b></p> <p>Sasaran 13.1: Memperkukuh ketahanan dan keupayaan</p> |

| BIL. | ISU UTAMA | PENERANGAN                                                                                                                                                   | DIMENSI | KUMPULAN SASARAN | KAWASAN SASARAN | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|------|-----------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|------------------|-----------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |           | <p>Suloh dipenuhi dengan lumpur dari kawasan pendalaman.</p> <p>Banjir dalam 2-3 kali setahun dan air naik sehingga dua hingga tiga kaki ke dalam rumah.</p> |         |                  |                 | <p>untuk membuat penyesuaian kepada bahaya berkaitan iklim dan bencana alam di semua negara</p> <p>Sasaran 13.b: Menggalakkan mekanisme untuk meningkatkan keupayaan bagi perancangan dan pengurusan berkaitan perubahan iklim yang berkesan di negara kurang membangun dan negara pulau kecil membangun, termasuk tumpuan pada wanita, belia, masyarakat tempatan dan golongan terpinggir yang terjejas</p> |

## 4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

### 4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1

| BIL.                                                                                                                                                                                                                               | ISU                                    | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>FGD 1:</b> Dialog Bersama Komuniti Penternak di TL 50, Jalan Kampung Sungai Jambi (Rengit)<br><b>Tarikh:</b> 8 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 15 orang penternak<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan dalam 1 kumpulan |                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b><br>1. Jabatan Veterinar, Batu Pahat                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
| 1.                                                                                                                                                                                                                                 | Kos penternakan yang semakin meningkat | <p>Kos penternakan yang semakin meningkat merupakan isu utama dalam industri pertanian moden.</p> <p>Kenaikan harga bahan mentah yang mendadak telah membebankan penternak seperti jagung, soya, dan dedak. ini secara langsung meningkatkan kos pemeliharaan haiwan.</p> <p>Kos elektrik, diesel, dan air yang digunakan dalam operasi ladang juga meningkat.</p> <p>Kos rawatan haiwan, vaksin, dan kawalan penyakit ternakan semakin</p> | <b>Jabatan Veterinar</b><br>Pihak Jabatan Veterinar menjelaskan, mereka ada menyediakan beberapa Langkah antaranya Pemberian subsidi makanan ternakan (contohnya jagung, dedak dan rumput Napier).Manakala, bantuan dalam bentuk vaksinasi percuma untuk mengurangkan kos kesihatan haiwan. Selain itu, mereka turut membantu dalam bentuk geran dan bantuan khas untuk penternak kecil seperti Program Rezeki Ternak atau Program Agropreneur Muda.<br>Dalam aspek kawalan penyakit, Kempen vaksinasi dan pemantauan kesihatan untuk elak wabak yang boleh menyebabkan kerugian besar kepada penternak. |

| BIL. | ISU                                           | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
|------|-----------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                               | tinggi, terutamanya dalam usaha mengekalkan kesihatan ternakan dan mengelakkan wabak seperti penyakit kuku dan mulut.                                                                                                                                                                                                                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
| 2.   | Kesukaran dalam pasaran ternakan              | <p>Kesukaran daripada segi pasaran yang baik di kawasan setempat untuk lembu yang ditenak secara individu. Terdapat lebih kurang 15 penternak individu yang masih aktif menternak di Batu Pahat.</p> <p>Mereka terpaksa bergantung kepada orang tengah untuk memasarkan lembu yang ditenak ke kawasan luar. Ada ketika bekalan lembu mencukupi, tetapi tiada pembeli.</p> | <p><b>Jabatan Veterinar</b></p> <p>Menjalankan program bantuan ternakan yang lebih bersepadu dan disasarkan bagi meningkatkan kecukupan serta impak bantuan yang diberikan. Mengambil inspirasi daripada model di Thailand, bantuan tidak seharusnya terhad kepada pemberian lembu semata-mata, tetapi perlu melibatkan kerjasama antara pelbagai agensi. Sebagai contoh, Jabatan Veterinar kepada kesihatan haiwan dan pihak FAMA membantu dalam aspek pemasaran dan inovasi ternakan</p>                                          |
| 3.   | Kesukaran mendapatkan baka ternakan yang baik | Penternak individu tidak mampu untuk membeli baka lembu yang baik seperti Baka lembu Barinas kerana kos yang terlalu tinggi.                                                                                                                                                                                                                                              | <p><b>Jabatan Veterinar</b></p> <p>Pihak Veterinar memaklumkan, pihak mereka ada menjalankan beberapa tindakan dalam mengatasi masalah baka ternakan terutama lembu iaitu Penubuhan Pusat Pembiakbakaan Lembu Batu Pahat (PPL-BP), kerjasama strategik dengan institusi penyelidikan, program Latihan dan khidmat nasihat kepada penternak. Contohnya menganjurkan kursus teknikal berkaitan pemilihan baka, penjagaan anak lembu dan pengurusan pembiakan serta khidmat nasihat lapangan oleh pegawai veterinar secara berkala</p> |

| BIL. | ISU                                                       | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|------|-----------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 4.   | Ketidaksampaian matlamat agensi kepada komuniti penternak | <p>Setiap agensi kerajaan mempunyai agenda tersendiri, menyebabkan perancangan pembangunan ternakan tidak sampai kepada sasaran sebenar.</p> <p>Penternak yang berpengalaman mencadangkan agar ada perantara antara kerajaan dan komuniti untuk menyumbangkan idea bagi memastikan inisiatif yang lebih berkesan.</p> | <p><b>Jabatan Veterinar</b></p> <p>Memklumkan, pihak agensi Veterinar sentiasa menjalankan program <i>Outreach</i> &amp; turun padang dan memaklumkan menerusi website tentang penyediaan perkhidmatan rawatan haiwan dan konsultasi secara langsung ke kampung dan kawasan pedalaman. Namun pihak veterinar juga ada jadual dalam menjalankan pemantauan di kawasan yang tertentu. Jika ada sebarang kekeliruan di antara pihak penternak, kami sedia membantu dan melawat di kawasan yang terlibat.</p> <p>Untuk makluman semua, pihak Veterinar ada menjalankan 'Hari Bersama Penternak' yang sesi secara berkala merangkumi ceramah, demonstrasi teknologi, vaksinasi berkumpulan dan perkongsian maklumat</p> |

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2

| BIL.                                                                                                                                                                                                         | ISU                                               | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>FGD 2:</b> Dialog Bersama Komuniti Penternak Ikan Kolam, Kampung Parit Belemam<br><b>Tarikh:</b> 23 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 3 orang<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan dalam 1 kumpulan |                                                   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Majlis Belia dan Sukan, Daerah Batu Pahat</li> <li>2. Polis Diraja Malaysia (PDRM), Batu Pahat</li> </ol>                                                                                                                                                                                                                           |
| 1.                                                                                                                                                                                                           | Belia tiada hala tuju                             | <p>Komuniti melihat belia masa kini kehilangan hala tuju kerana ketiadaan pemimpin yang boleh membimbing mereka dalam bidang tertentu.</p> <p>Jika dulu, program seperti Rakan Muda berjaya menyatukan belia dalam aktiviti sukan dan sosial, mengeratkan hubungan serta membina kepimpinan.</p> <p>Kini, program sebegitu tidak lagi dianjurkan, menyebabkan kurangnya interaksi dan pembangunan belia dalam komuniti</p> | <b>Majlis Belia dan Sukan, Daerah Batu Pahat</b><br>Dalam aktiviti belia, program-program ini kita sentiasa adakan, namun penglibatan-penglibatan seperti program rakan muda, dari segi had umur adalah 13-18 tahun. Justeru itu, program ini lebih ditekankan kepada pelajar-pelajar sekolah. Bagi golongan belia sekarang, adalah had umur bawah 30 tahun, jadi kebanyakannya program-program ini adalah program belia. |
| 2.                                                                                                                                                                                                           | Kekurangan aktiviti dan program pemerkasaan belia | Kekurangan aktiviti dan program belia kerana kekangan peruntukan menyukarkan proses mengasah kepimpinan belia.                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | <b>Majlis Belia dan Sukan, Daerah Batu Pahat</b><br>Pihak belia banyak mengadakan program-program untuk pemerkasaan golongan-golongan belia, sebagai contoh tahun sebelum ini, program segi kursus kepimpinan, organisasi, pemantapan badan persatuan-persatuan, kelab-kelab belia                                                                                                                                        |

| BIL. | ISU                                           | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|------|-----------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                               | <p>Tiada pewaris kepimpinan belia untuk generasi baru</p> <p>Corak pemikiran belia berbeza berdasarkan lokaliti individu (sikap pemalu, introvert).</p> <p>Pelaksanaan had umur belia bawah 30 tahun yang kurang jelas terutamanya peralihan kuasa kepimpinan yang rata-ratanya dipengerusikan oleh belia atas 30 tahun.</p>                                                                                           | <p>yang kita laksanakan namun kurang sambutan, daripada golongan-golongan belia muda.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
| 3.   | Belia kurang sokongan daripada pihak kerajaan | <p>Tiada latihan, program dan sokongan daripada kerajaan kepada belia. Ada pertubuhan belia yang aktif tetapi kurang mendapat bantuan dan sokongan daripada kerajaan.</p> <p>Hubungan agensi belia (berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Belia) dan agensi kerajaan dengan belia setempat kurang berkomunikasi antara satu sama lain. Pertubuhan belia setempat tidak mendapat sokongan daripada agensi kerajaan.</p> | <p><b>Majlis Belia dan Sukan, Daerah Batu Pahat</b></p> <p>Untuk makluman semua, KBS tahun ini sahaja, menurunkan lebih kurang RM 7 juta untuk peruntukan dana sukan belia dan rakan muda untuk golongan-golongan belia menjalankan program. contohnya dana rakan muda, sekretariat rakan muda, pada tahun 2025 difahamkan lebih kurang 2 juta. Namun begitu, golongan KBS ini perlu memenuhi syarat iaitu, berdaftar bawah KBS dan ROY</p> |

| BIL. | ISU                                           | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
|------|-----------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                               | Manakala dalam penglibatan belia dalam aktiviti pertanian dan pendapatan berasaskan pertanian berkurangan kerana tidak mendapat sokongan dan galakan yang berterusan dari agensi kerajaan.                                                                                                                                                                                                              |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| 4.   | Diskriminasi kawasan aktiviti belia           | Komuniti merasakan bahawa suara belia luar bandar tidak mendapat perhatian yang sewajarnya, dan pemerhatian Majlis Belia Malaysia serta Pejabat Belia lebih tertumpu di kawasan bandar berbanding luar bandar. Manakala suara atau peluang dari luar bandar terus terpinggir.                                                                                                                           | <b>Majlis Belia dan Sukan, Daerah Batu Pahat</b><br>Bagi makluman semua, sebenarnya pihak kami tidak pernah memilih kawasan sama ada kawasan kampung atau bandar. Namun dalam hal ini, isu belia Kampung Parit Tengah, Seri Merlong Rengit ini, mereka tidak mereka tidak mahu mendekatkan diri mereka kepada pihak belia. Bagi menyelesaikan masalah mereka, belia perlu berjumpa dengan kami. |
| 5.   | Tingkah laku anti-sosial dalam kalangan belia | Sukar untuk diatasi malah masalah sosial seperti kecurian buah kelapa sawit masih berlaku. Isu khalwat antara lelaki dan perempuan turut berlaku namun masih terkawal.<br><br>Kes penggunaan vape juga berlaku dalam kalangan remaja dan belia. Masalah ponteng sekolah dikalangan remaja tidak dapat ditangani melalui pihak sekolah sahaja tetapi memerlukan kerjasama dari pihak keluarga dan agensi | <b>Wakil PDRM, Batu Pahat</b><br>Untuk makluman semua, kalau dilihat trend sekarang, mereka hanya bergaul sesama sendiri dan berada selesa dalam kalangan mereka. Mereka jarang bergaul dengan komuniti setempat dan golongan belia muda yang lain. Faktor-faktor ini boleh membawa ke arah sosial kerana pengaruh rakan sebaya dan sosial media yang sukar dikawal                             |

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3

| BIL.                                                                                                                                                                                                                    | ISU                                                        | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>FGD 3:</b> Dialog Bersama komuniti Cina di Maju Jaya, Jalan Silat, Taman Maju Jaya, Rengit<br><b>Tarikh:</b> 8 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 9 orang<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan dalam 1 kumpulan |                                                            |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Polis Diraja Malaysia (PDRM) Daerah Batu Pahat</li> <li>2. Jabatan Landskap dan Kesejahteraan</li> </ol>                                                                                                              |
| 1.                                                                                                                                                                                                                      | Masalah pelajar dan pendidikan                             | <p>Masalah ponteng sekolah dalam kalangan pelajar Cina di sekolah menengah wujud. Guru sekolah tidak beri tumpuan kepada pelajar-pelajar yang bermasalah.</p> <p>Memohon Sekolah Vokasional dan Pendidikan Kemahiran Teknikal untuk pelajar yang tidak minat belajar di sekolah menengah. Ramai pelajar yang minat pendidikan kemahiran sambil bekerja.</p> | <i>Tiada maklum balas diberikan bagi isu ini, kerana wakil Jabatan pendidikan tidak menghadiri diri dalam perbincangan ini</i>                                                                                                                                                                              |
| 2.                                                                                                                                                                                                                      | Kurang tenaga sokongan untuk memantau keselamatan penduduk | <p>Menghadapi masalah kekurangan anggota. Keadaan ini menyebabkan kes jenayah yang banyak sukar dikendalikan dengan berkesan terutama kecurian dan pecah rumah.</p> <p>Dimaklumkan jumlah anggota polis di kawasan ini hanya sekitar enam belas orang, tetapi ada yang sakit atau tidak</p>                                                                 | <b>PDRM, Daerah Batu Pahat</b><br>Untuk makluman, isu telah dibawa ke peringkat bukit aman, untuk menambah dari segi kekuatan dan anggota kerana dari segi peringkat daerah, memang kita tak mencukupi. Namun mereka juga akan lihat juga banyak prosedur-prosedur dalam sistem JPA (sistem penjawat awam). |

| BIL. | ISU                                                      | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|------|----------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                          | dapat bertugas, menyebabkan hanya beberapa anggota yang boleh beroperasi pada satu-satu masa.                                                                                                                                                                                                                                                                                         |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
| 3.   | Sistem pengurusan longkang dan sampah yang tidak memadai | <p>Masalah pengurusan sampah di Pasar Rengit yang tidak cekap. Pintu tempat pembuangan sampah tutup pada waktu malam, menyebabkan orang ramai tiada tempat yang sesuai untuk membuang sampah pada malam.</p> <p>Masalah longkang tersumbat juga serius dan air tidak dapat mengalir dengan baik akibat sampah dan kotor, serta mengundang masalah bau busuk dan pembiakan nyamuk.</p> | <p><b>Jabatan Landskap dan Kesejahteraan:</b></p> <p>Untuk makluman, isu perparitan dan longkang ini, Jabatan kejuruteraan dalam peringkat untuk pembaikan dan menaiktaraf longkang yang lama kepada yang baik dan masih dalam cadangan. Perkara ini di ambil maklum dan cuba selesaikan isu ini dengan kadar segera</p> |

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4

| BIL.                                                                                                                                                                                         | ISU                                               | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                  |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>FGD 4:</b> Dialog Bersama Komuniti Nelayan Laut di Parit Botak<br><b>Tarikh:</b> 8 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 20 orang<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan dalam 1 kumpulan |                                                   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b><br><i>Tiada</i>                                                                             |
| 1.                                                                                                                                                                                           | Perubahan cuaca dan kos operasi nelayan meningkat | <p>Cabaran yang dihadapi oleh nelayan akibat perubahan musim angin dari angin utara ke angin timur, yang menyebabkan suhu air menjadi lebih sejuk dan bagi rangsangan kepada hasil laut.</p> <p>Kos operasi juga meningkat dengan kos untuk keluar ke laut dengan minyak penuh mencecah RM400, tetapi hasil tangkapan hanya bernilai RM200, menyebabkan kerugian.</p> <p>Kelewatan dalam pengagihan subsidi minyak, yang menyebabkan operasi mereka terganggu.</p> <p>Apabila subsidi minyak tidak diganti tepat pada masanya, aktiviti menangkap ikan boleh terhenti kerana kekurangan bekalan.</p> | <i>Tiada maklum balas diberikan bagi isu ini. kerana wakil Jabatan Perikanan dan LKIM tidak menghadiri diri dalam perbincangan ini.</i> |

| BIL. | ISU                                            | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                    |
|------|------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 2.   | Kesukaran mendapatkan lesen nelayan secara sah | <p>Banyak nelayan di kawasan tersebut masih belum mempunyai lesen menyebabkan kesukaran dalam urusan pendaftaran dengan pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) atau Jabatan Perikanan.</p> <p>Keadaan ini menyukarkan nelayan dalam mendapatkan bantuan dan sokongan yang sepatutnya dan lesen yang sah dapat mengelakkan gangguan kepada nelayan semasa di laut terutama semasa operasi pemeriksaan oleh pihak berkuasa Maritim/Laut.</p> <p>Pernah membuat permohonan lesen beberapa kali namun gagal.</p> <p>Pengeluaran kuota lesen amat terhad.</p> | <i>Tiada maklum balas diberikan bagi isu ini. kerana wakil Jabatan Perikanan dan LKIM tidak menghadirkan diri dalam perbincangan ini.</i> |
| 3.   | Ancaman habitat sumber marin                   | <p>Kekurangan ikan di kawasan mereka berpunca daripada penggunaan pukot tunda kerana ia menghancurkan ekosistem dasar laut, termasuk karang yang penting bagi habitat ikan.</p> <p>Selain itu, nelayan pukot tunda sering beroperasi dalam keadaan bergelap tanpa</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                         | <i>Tiada maklumbalas diberikan bagi isu ini. kerana wakil Jabatan Perikanan dan LKIM tidak menghadirkan diri dalam perbincangan ini.</i>  |

| BIL. | ISU                                                    | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                  |
|------|--------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                        | <p>lampu, menjadikan keadaan lebih berbahaya.</p> <p>Terdapat dakwaan bahawa operasi nelayan pukat tunda boleh menjalankan operasi selama 48 jam tanpa gangguan, sedangkan nelayan kecil berdepan dengan pelbagai kesukaran dan ancaman keselamatan.</p>                                                                                                                                  |                                                                                                                                         |
| 4.   | Kekurangan kelengkapan peralatan dan kemudahan nelayan | <p>Kemiskinan nelayan kerana pendapatan yang kurang dan tidak tetap. Kos sara hidup nelayan telah meningkat di mana harga barangan dan peralatan seperti jaring, jaket keselamatan, kos membaiki bot, jentera motor bot dan barang keperluan harian telah meningkat.</p> <p>Mereka turut berhadapan dengan kekurangan ikan yang berpunca daripada masalah kualiti yang semakin cetek.</p> | <i>Tiada maklum balas diberikan bagi isu ini. kerana wakil Jabatan Perikanan dan LKIM tidak menghadiri diri dalam perbincangan ini.</i> |
| 5.   | Kos sara hidup yang tinggi                             | Peningkatan perbelanjaan harian yang perlu ditanggung oleh isi rumah untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal dan pengangkutan.                                                                                                                                                                                                                                      | <i>Tiada maklum balas diberikan bagi isu ini. kerana wakil KPDNK tidak menghadiri diri dalam perbincangan ini.</i>                      |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|
|      |     | Kemampuan komuniti nelayan, agak terhad kerana mereka kebanyakan tidak mempunyai pendapatan yang tetap dan terdiri daripada golongan B40. |                        |

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5

| BIL.                                                                                                                                                                                                                     | ISU                                                          | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                               | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>FGD 5:</b> Dialog Bersama komuniti peniaga/penjaja di Balai raya Hajah Khadijah Senggarang<br><b>Tarikh:</b> 9 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 15 orang<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan dalam 1 kumpulan |                                                              |                                                                                                                                                                                                                                          | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>Pejabat Daerah Batu Pahat</li> <li>Majlis Perbandaran Batu Pahat</li> </ol>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
| 1.                                                                                                                                                                                                                       | Tiada persatuan dan koperasi untuk penjaja dan peniaga kecil | <p>Tiada persatuan penjaja dan peniaga di Senggarang.</p> <p>Menyebabkan sukar untuk mendapatkan akses kepada bantuan kewangan, geran kerajaan, atau latihan keusahawanan.</p> <p>Peniaga kecil kekal terasing dan sukar berkembang.</p> | <p><b>Majlis Daerah Batu Pahat:</b></p> <p>Bagi makluman semua, setiap individu yang terlibat sebagai penjaja atau peniaga perlu menyertai persatuan peniaga dan berdaftar secara sah dengan pihak majlis dan persatuan supaya maklumat dan bantuan dapat dimaklumkan kepada ahli persatuan peniaga.</p> <p>Berhubung dengan rampasan biasanya mereka yang berniaga di kawasan larangan, tidak sah dan sebelum rampasan dilaksanakan, kita perlu mematuhi prosedur terlebih dahulu seperti amaran sebanyak 3 kali dan sekiranya mereka yang terlibat masih ingkar, pihak majlis akan mengambil tindakan yang sewajarnya.</p> |
| 2.                                                                                                                                                                                                                       | Kesukaran mendapatkan bekalan bahan mentah                   | <p>Peniaga dan penjaja kecil yang berasaskan perniagaan makanan menghadapi masalah mendapatkan bahan mentah seperti minyak masak.</p> <p>Mereka terpaksa membeli minyak botol 5kg yang jauh lebih mahal, sekitar RM36 hingga</p>         | <p><i>Tiada maklum balas diberikan bagi isu ini. kerana wakil KPDNK tidak menghadiri diri dalam perbincangan ini.</i></p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |

| BIL. | ISU                                                | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|------|----------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                    | <p>RM39 sebotol, iaitu tiga kali ganda harga minyak paket sebelum ini.</p> <p>Selain itu, harga tepung juga meningkat kepada RM3.40–RM3.50 satu pek, dengan setiap kedai menawarkan harga yang berbeza.</p> <p>Kos bahan mentah yang semakin meningkat menyebabkan keuntungan peniaga merosot.</p>                              |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
| 3.   | Kekangan modal pusingan berniaga                   | <p>Kos modal pusingan yang tidak mencukupi kerana barangan asas yang mahal.</p> <p>Peniaga kecil kadang-kala tidak berniaga beberapa hari untuk mengelak kerugian.</p>                                                                                                                                                          | <i>Tiada maklum balas diberikan bagi isu ini. kerana wakil KPDNK tidak menghadiri diri dalam perbincangan ini.</i>                                                                                                                                                                                                               |
| 4.   | Kesukaran mendapatkan peralatan/keperluan berniaga | <p>Para peniaga juga menghadapi masalah daripada segi peralatan seperti kanopi, payung perniagaan, kerusi meja dan sebagainya untuk gerai-gerai ketika berniaga di bazar perniagaan.</p> <p>Harga peralatan untuk sewa kanopi terlalu mahal dan pada masa yang sama peralatan alternatif yang lain juga telah naik sehingga</p> | <p><b>Pejabat Daerah Batu Pahat</b></p> <p>Untuk makluman, pihak Pejabat Daerah Batu Pahat ada menyediakan bantuan dalam bentuk peralatan mengikut permohonan dan kepentingan individu pemohon, contohnya seperti dapur memasak, peti ais untuk makanan beku (IKS kecil-kecilan)</p> <p><b>Majlis Perbandaran Batu Pahat</b></p> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                            | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                        |
|------|-----|-----------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |     | pengusaha perniagaan tidak mampu untuk mengeluarkan modal perniagaan. | Bagi pihak Majlis, untuk sewaan kanopi seluruh negeri Johor adalah sama, namun harga sewaan bergantung kepada saiz kanopi dan jenis aktiviti perniagaan yang dijalankan. Pihak Majlis sarankan kepada peniaga supaya datang berjumpa mereka untuk mendapatkan maklumat lanjut |

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6

| BIL.                                                                                                                                                                                                       | ISU                                               | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>FGD 6:</b> Dialog Bersama ibu tunggal di Balai raya Hajah Khadijah Senggarang<br><b>Tarikh:</b> 9 Januari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 15 orang<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan dalam 1 kumpulan |                                                   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jabatan Kebajikan Masyarakat</li> <li>2. Jabatan Kesihatan Daerah Batu Pahat</li> <li>3. Jabatan Tenaga Kerja</li> <li>4. Jabatan PERHILITAN Batu Pahat</li> </ol>                                                                                                                                    |
| 1.                                                                                                                                                                                                         | Kesukaran akses kepada bantuan kerajaan           | <p>Komuniti tidak jelas dengan syarat terutama sekali yang melibatkan permohonan secara atas talian terutama bantuan anak di bawah JKM dan Baitulmal.</p> <p>Saluran bantuan juga agak lambat sehingga tempoh 1 tahun atau lebih.</p> <p>Mereka dikatakan tidak tahu cara mengakses sistem eBantuan JKM, kurang maklumat mengenai jenis bantuan yang tersedia.</p> | <b>Jabatan Kebajikan Masyarakat:</b><br>Untuk makluman semua, maklumat awal boleh dirujuk melalui pautan web, namun individu yang terlibat perlu hadir di Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah berhampiran untuk mendapatkan makluman lanjut dan dokumen yang perlu diserahkan dalam tempoh 14 hari. Walau bagaimana pun, kelulusan permohonan perlu mengikut prosedur yang telah ditetapkan |
| 2.                                                                                                                                                                                                         | Persatuan ibu tunggal kurang aktif dan masih baru | Persatuan ibu tunggal yang baru ditubuhkan sejak tiga bulan lalu kini mempunyai sekitar 80 ahli. Namun, persatuan PAWE tidak dikenali oleh kebanyakan ibu tunggal terutama golongan muda dan sedia ada.                                                                                                                                                            | <b>Jabatan Kebajikan Masyarakat:</b><br>Bagi makluman, sehingga kini pihak JKM tidak menguruskan persatuan ibu tunggal, namun perkara ini boleh dirujuk kepada Jabatan Pembangunan Wanita menerusi Program Kasih Ibu Tunggal dan program lain                                                                                                                                               |

| BIL. | ISU                                                   | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
|------|-------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                       | Diperlukan usaha untuk meningkatkan kesedaran dan menarik lebih ramai ahli aktif.                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
| 3.   | Keperluan hospital dan perkhidmatan pengangkutan awam | <p>Isu daripada segi kesihatan kaum ibu tunggal adalah masalah hospital dan klinik yang terletak terlalu jauh.</p> <p>Tiada pengangkutan awam dan perlu mengurus sendiri perjalanan dengan menyewa dan menggunakan bantuan motosikal dengan kos yang agak mahal antara RM20-50.</p> <p>Mereka adalah dalam kalangan golongan B40, warga emas, tidak bekerja dan hidup sendirian.</p> | <p><b>Jabatan Kesihatan Daerah Batu Pahat:</b></p> <p>Untuk makluman, berhubung dengan kekurangan klinik di kawasan tertentu, pihak Jabatan Kesihatan telah berbincang berhubung dengan isu tersebut di peringkat Persekutuan dan kini dalam proses tindakan</p>                                                                                                                                                                                               |
| 4.   | Kekurangan golongan muda                              | <p>Penghijrahan golongan muda lelaki dan perempuan menyebabkan kawasan kampung kekurangan golongan muda.</p> <p>Ini kerana kebanyakan golongan muda bekerja, menetap dan melanjutkan pelajaran.</p>                                                                                                                                                                                  | <p><b>Jabatan Tenaga Kerja, Batu Pahat</b></p> <p>Untuk makluman semua, kebanyakan ramai golongan muda yang berhijrah keluar dari kampung dan bekerja dibandar. Namun begitu, dari pihak jabatan Tenaga Kerja, menyatakan peluang pekerjaan sekarang lebih terbuka dan telah diuruskan oleh pihak kami sejak Januari 2021 untuk memberi perkhidmatan pekerja dan MYjobs bagi menyediakan peluang pekerjaan dan menarik golongan belia melalui program ini.</p> |

| BIL. | ISU                   | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
|------|-----------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 5.   | Ancaman binatang liar | <p>Terdapat binatang liar yang sering berkeliaran terutama di waktu malam seperti babi, kera dan anjing liar.</p> <p>Kehadiran binatang tersebut mengganggu keselamatan komuniti kampung terutama golongan warga emas, kanak-kanak dan pengguna jalan raya yang menyebabkan berlakunya kemalangan jalan raya.</p> | <p><b>Jabatan PERHILITAN Batu Pahat:</b></p> <p>Untuk makluman, berhubung dengan anjing liar adalah di bawah bidang kuasa PBT. Di Pihak Jabatan PERHILITAN melibatkan babi liar, monyet dan binatang berbisa. Untuk isu semua ini, pihak kami telah mengambil tindakan sebelum ini, namun jumlah monyet terlalu banyak dan cepat membiak. Kami juga kekurangan peralatan seperti perangkap dan sebagainya. Namun, pihak kami masih mencari alternatif untuk mengatasi masalah ini.</p> |

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7

| BIL.                                                                                                                                                                                                           | ISU                                              | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                             |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>FGD 7: Dialog Bersama komuniti mangsa banjir di Kg Sungai Suloh (Senggarang)</b><br><b>Tarikh: 9 Februari 2025</b><br><b>Bilangan peserta: 12 orang</b><br><b>Kaedah FGD: Perbincangan dalam 1 kumpulan</b> |                                                  |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b><br><i>Tiada</i>                                                        |
| 1.                                                                                                                                                                                                             | Fenomena banjir dan banjir kilat yang berterusan | <p>Banjir di Sg. Suloh yang berada di kawasan rendah dan berdekatan dengan kampung, perlu didalamkan kerana ia dipenuhi dengan lumpur. Setiap kali banjir Sg. Suloh dipenuhi dengan lumpur dari kawasan pendalaman.</p> <p>Penduduk kampung memohon kolam tadahan air daripada pihak berkuasa majlis untuk menghalang air dari pada membanjiri kampung mereka.</p> | <i>Tiada maklum balas diberikan bagi isu ini. kerana wakil JPS tidak menghadirkan diri dalam perbincangan ini.</i> |
| 2.                                                                                                                                                                                                             | Pembangunan yang tidak terkawal                  | <p>Pembangunan yang tidak terkawal merujuk kepada proses pembinaan atau peluasan infrastruktur yang berlaku pada keadaan semasa.</p> <p>Ini kerana kawasan ini menghadapi masalah banjir yang berulang akibat pembangunan tidak terkawal dan sistem saliran air yang tidak berfungsi dengan baik.</p>                                                              | <i>Tiada maklum balas diberikan bagi isu ini. kerana wakil JPS tidak menghadirkan diri dalam perbincangan ini.</i> |

| BIL. | ISU                                                              | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                             |
|------|------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                                  | Air dari kawasan perumahan seperti Taman Bandar Jaya, Bukit Flora, Evergreen Heights, Bandar Ngor, Kampung Rahmat, dan sepanjang Jalan Tanjung Lampung mengalir ke kampung tanpa kawalan dari atas mengalir laju ke kawasan kampung tanpa sistem kawalan, menyebabkan banjir.                                          |                                                                                                                    |
| 3.   | Ketiadaan pam air dan sistem saliran yang sesuai                 | Terdapat sistem saliran yang tidak berfungsi dengan baik. kerana perancangan air yang sepatutnya dialirkan ke Kuala Sungai Ayam tidak sampai berpunca sistem saliran yang bermasalah. Pelan yang dilaksanakan oleh agensi tidak mengambil kira cadangan penduduk.                                                      | <i>Tiada maklum balas diberikan bagi isu ini. kerana wakil JPS tidak menghadirkan diri dalam perbincangan ini.</i> |
| 4.   | Kesukaran berurusan dan membentuk hubungan dengan pihak berkuasa | Kesukaran penduduk kampung yang mengalami masalah banjir bila berdepan apabila tidak dapat berurusan dengan pihak berkuasa seperti agensi kerajaan dengan berkesan.<br><br>Keadaan lain adalah apabila melibatkan permohonan sistem perparitan untuk dibaikpulih, pembinaan ban air dan peruntukan daripada pihak JPS. | <i>Tiada maklum balas diberikan bagi isu ini. kerana wakil JPS tidak menghadirkan diri dalam perbincangan ini.</i> |

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8

| BIL.                                                                                                                                                                   | ISU                                                            | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>FGD 8:</b> Dialog Bersama PDK Penggaram<br><b>Tarikh:</b> 10 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 16 orang<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan dalam 1 kumpulan |                                                                |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b><br>1. Jabatan Kebajikan Masyarakat                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| 1.                                                                                                                                                                     | Elaun dan kebajikan petugas PDK yang kurang mendapat perhatian | <p>Elaun yang rendah RM 800-1200 bagi pelatih dan RM 1500 untuk penyelia.</p> <p>Status kerja bertaraf sukarelawan dan menerima wang sebagai saguhati.</p> <p>Slip gaji tidak layak untuk memohon pinjaman dari mana-mana bank.</p> <p>Memandangkan status sukarela menyebabkan mereka, tidak menikmati faedah seperti KWSP, PERKESO, atau pencen, tiada jaminan kerja jangka panjang dan sukar mendapatkan pinjaman atau bantuan kewangan dan tiada latihan profesional berterusan.</p> | <b>Jabatan Kebajikan Masyarakat:</b><br>Untuk makluman semua, sebagaimana mengikut garis panduan yang telah ditetapkan, pemberian bantuan kewangan kepada petugas adalah atas kelulusan pengarah JKM<br>Elaun penyelia dan petugas PDK bagi negeri Johor telah ditampung oleh peruntukan negeri sebanyak RM200 sebulan, Bantuan kewangan khas adalah RM 1000 (one off) dan bantuan Aidilfitri RM1000 (one off) untuk tahun 2024-2025 |
| 2.                                                                                                                                                                     | Peralihan konsep pemulihan kepada penjagaan yang tidak jelas   | <p>Terdapat kurang kejelasan terhadap perubahan konsep pemulihan kepada pusat jagaan.</p> <p>Ini kerana jika ianya dilaksanakan akan menyebabkan kurang fokus kepada</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | <b>Jabatan Kebajikan Masyarakat:</b><br>Makluman, penukaran konsep kepada penjagaan, ini adalah daripada pihak atasan. tujuannya bagus, dimaklumkan bahawa punca kuasa bermula daripada mesyuarat jawatankuasa teknikal sebagai pusat jagaan                                                                                                                                                                                         |

| BIL. | ISU                                                               | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
|------|-------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                                   | pembangunan diri, dan melemahkan motivasi OKU. Pendekatan penjagaan boleh menanam sikap bergantung sepenuhnya kepada penjaga atau institusi.                                                                                                                                                                  | bagi program PDK, pusat aktiviti warga emas, dan rumah sejahtera pada 23 Januari 2025, diluluskan oleh Puan Wan Noraida Binti Wan Mohd Zain, Timbalan Ketua Pengarah JKM.. justeru itu, surat peringatan dihantar kepada pusat PDK untuk pemakluman dan agensi teknikal terutama pihak Bomba, PBT dan Kesihatan.                                                                                                                                       |
| 3.   | Kurang kesedaran ibu bapa terhadap penjagaan anak OKU yang sesuai | <p>Terdapat kekurangan kerjasama daripada ibu bapa untuk menjaga anak-anak OKU dan kurang kemahiran dalam pembangunan anak OKU.</p> <p>Kekurangan ini menyebabkan mereka tidak tahu bagaimana untuk bertindak.</p> <p>Stigma masyarakat di mana perasan malu kerana memiliki anak OKU dan tidak sempurna.</p> | <p><b>Jabatan Kebajikan Masyarakat:</b></p> <p>Untuk makluman, PDK melibatkan ahli jawatankuasa masyarakat setempat untuk membantu dan memberi sokongan kepada serta kesedaran kepada ibu bapa. Justeru itu, pihak PDK disarankan mengaktifkan sosial media untuk memaklumkan tentang kesedaran penjagaan kepada ibu bapa</p>                                                                                                                          |
| 4.   | Pembekuan dana terdahulu                                          | <p>Terdapat masalah berkaitan akaun kewangan. Dulu geran dan sumbangan dimasukkan dalam satu akaun, namun kini akaun yang terlibat telah dibekukan oleh JKM sejak 2018 sebelum PKP</p> <p>Masalah ini bukan hanya berlaku di satu tempat, tetapi melibatkan semua PDK dalam Johor</p>                         | <p><b>Jabatan Kebajikan Masyarakat:</b></p> <p>Bagi makluman semua, sebelum ditubuhkan pertubuhan. pembekuan ini merupakan lebihan peruntukan PDK pada tahun 2017. Sebelum PDK di daftarkan di bawah pertubuhan, PDK sebelum ini telah berdaftar dan mempunyai akaun khas sendiri, untuk pelaksanaan program masing-masing. Namun, apabila dibuat penstrukturan semula perlu melibatkan agensi termasuk SPRM supaya duit itu dimasukkan ke saluran</p> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                            | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                         |
|------|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |     | Terdapat usaha untuk mendapatkan pelepasan dana, seperti untuk membaiki litar wayar elektrik dan infrastruktur. Walaupun sudah ada perbincangan di peringkat negeri Johor, masih tiada penyelesaian yang dimaklumkan. | yang betul dan akuan yang dibekukan itu mendapat teguran dan perhatian dari pihak audit negara |

Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 9

| BIL.                                                                                                                                                                                                                    | ISU                                  | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>FGD 9:</b> Dialog Bersama Usahawan Tani di Bukit Batu Agrotech (Tanah Tinggi Bukit Batu)<br><b>Tarikh:</b> 10 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 16 orang<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan dalam 1 kumpulan |                                      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b><br>1. Jabatan Pertanian Daerah Batu Pahat<br>2. Jabatan PERHILITAN                                                                                                                                                                                                                             |
| 1.                                                                                                                                                                                                                      | Ancaman makluk perosak               | Komuniti di sini menghadapi serangan binatang buas dan penyakit tanaman<br><br>Pekebun terpaksa menggunakan racun serangga untuk mengatasi serangan serangga perosak.                                                                                                                                                                    | <b>Jabatan Pertanian Daerah Batu Pahat:</b><br>Makluman, sebenarnya dari pihak Jabatan Pertanian ada mencadangkan kepada petani untuk menggunakan racun yang sesuai bagi mengatasi masalah perosak dengan yang mampu milik kerana racun yang dicadangkan oleh pihak pertanian adalah untuk memastikan keselamatan hasil pertanian.         |
| 2.                                                                                                                                                                                                                      | Peralatan dron yang sukar diperolehi | Peserta menyatakan bahawa penggunaan dron dalam pertanian adalah satu keperluan penting bagi meningkatkan pengurusan penyelenggaraan ladang, hasil pertanian, serta mekanisasi dan transformasi ladang.<br><br>Namun, cabaran utama adalah kos tinggi untuk membeli dron, contohnya DJI dron yang dianggarkan berharga sekitar RM75,000. | <b>Jabatan Pertanian Daerah Batu Pahat:</b><br>Pihak pertanian ada menyediakan peralatan seperti dron dan kelengkapan lain, Namun pihak yang terlibat perlu memohon untuk mendapatkan penggunaan dron kerana dron adalah terhad dan memerlukan prosedur tertentu seperti pengalaman, berdaftar dengan pertanian dan lesen yang dibenarkan. |

| BIL. | ISU                                         | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
|------|---------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                             | Oleh itu, peserta berharap agar dapat memperoleh dron bagi membantu peralihan kepada teknologi dalam pertanian untuk meningkatkan produktiviti dan keberkesanan operasi ladang.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
| 3.   | Tiada bantuan dari segi peralatan pertanian | <p>Peralatan yang biasa digunakan di kebun durian dan pisang adalah seperti mesin rutin semburan (<i>Power Spray</i>) untuk menyembur racun serangga dan baja.</p> <p>Namun begitu, peralatan sampingan seperti mesin potong rumput, vakum mesin untuk sejuk beku, peti ais menyejuk beku dan sebagainya diperlukan.</p> <p>Perlukan bantuan jentera untuk mengusahakan semua kebun. Sebelum ini pernah dapat sebuah traktor untuk mengusahakan semua tanaman secara kolektif dan Kerjasama tetapi sudah lama.</p> | <p><b>Jabatan Pertanian Daerah Batu Pahat:</b></p> <p>Sebenarnya dalam isu ini, pihak pertanian ada membantu daripada segi peralatan dan ianya perlu merujuk dan memaklumkan kepada pihak Pertanian di kawasan daerah dan lokasi masing-masing</p>                                                            |
| 4.   | Kekangan modal tanaman yang terhad          | Bagi belia muda yang baru menceburi bidang pertanian menghadapi kekangan ekonomi, khususnya daripada segi modal pusingan yang tidak mencukupi berbanding mereka yang sudah lama bertapak dalam industri ini.                                                                                                                                                                                                                                                                                                       | <p><b>Jabatan Pertanian Daerah Batu Pahat:</b></p> <p>Makluman menerusi Jabatan Pertanian, untuk belia muda, pihak kami ada menyediakan Geran dan Bantuan Kewangan Agropreneur Muda (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan - KPKM), Menawarkan Skim Pinjaman Mudah dan Pembiayaan Mikro, Latihan</p> |

| BIL. | ISU                   | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
|------|-----------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                       | Belia sukar untuk memulakan aktiviti pertanian dan perniagaan kerana tidak mempunyai dana yang mencukupi.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | Keusahawanan & Teknikal. Contohnya Belia dibimbing dari peringkat awal penanaman hingga pemasaran hasil untuk mengelakkan kerugian modal                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
| 5.   | Ancaman binatang liar | <p>Ancaman binatang liar seperti babi hutan, monyet, tupai dan semakin membimbangkan dalam kalangan petani kerana menjejaskan hasil tanaman dan pendapatan.</p> <p>Serangan haiwan ini menyebabkan kerosakan tanaman, mengurangkan produktiviti pertanian, serta menambah kos kawalan dan perlindungan ladang.</p> <p>Faktor utama termasuk penerokaan habitat semula jadi, perubahan guna tanah, dan kekurangan kawalan bersepadu antara agensi.</p> | <p><b>Jabatan PERHILITAN Batu Pahat:</b><br/>Untuk makluman, berhubung dengan anjing liar adalah di bawah bidang kuasa PBT. Di Pihak Jabatan PERHILITAN melibatkan babi liar, monyet dan binatang berbisa. Untuk isu semua ini, pihak kami telah mengambil tindakan sebelum ini, namun jumlah monyet terlalu banyak dan cepat membiak. Kami juga kekurangan peralatan seperti perangkap dan sebagainya. Namun, pihak kami masih mencari alternatif untuk mengatasi masalah ini.</p> <p><b>Majlis Perbandaran Batu Pahat (Penguatkuasan)</b><br/>Untuk makluman, berhubung dengan perkara tersebut dalam menjalankan operasi. Pihak majlis telah memaklumkan kepada satu pihak lain yang akan menjalankan pemantauan bagi menjalankan penangkapan anjing liar dan seterusnya perkara ini perlu dilaksanakan sekiranya pihak komuniti telah membuat laporan kepada pihak Majlis</p> |

Jadual 13. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 10

| BIL.                                                                                                                                                                                                 | ISU                                    | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                      |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>FGD 10:</b> Dialog Bersama Orang Asli Kg Desa Sri Banang, Minyak Beku<br><b>Tarikh:</b> 10 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 16 orang<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan dalam 1 kumpulan |                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b><br>1. PDRM, Daerah Batu Pahat<br>2. AADK, Daerah Batu Pahat<br>3. Jabatan PERHILITAN Batu Pahat |
| 1.                                                                                                                                                                                                   | Kemudahan asas yang tidak memuaskan    | <p>Terdapat kemudahan dewan, padang futsal dan keadaan jalan raya yang sedia ada tapi tidak diselenggarakan dengan baik.</p> <p>Keadaan lampu juga tidak berfungsi dengan baik dan bilangan perumahan yang disediakan juga tidak mencukupi.</p> <p>Selain itu, mereka juga tidak mempunyai jeti yang baik memandangkan sumber pendapatan adalah sebagai nelayan.</p> | <i>Tiada maklum balas diberikan bagi isu ini. kerana wakil Perikan dan JAKOA tidak menghadiri diri dalam perbincangan ini</i>               |
| 2.                                                                                                                                                                                                   | Status hak milik dan kawalan tanah GPS | <p>Dimaklumkan tanah yang pada asalnya diperuntukkan kepada komuniti Orang Asli di bawah Geran Pemilikan Sementara (GPS).</p> <p>Namun berlaku jual beli/sewa kepada pihak lain oleh pemilik asal (orang asli) di mana asalnya tapak ini digunakan untuk berniaga.</p> <p>Kini, komuniti Orang Asli menghadapi kesukaran untuk mendapatkan kembali</p>               | <i>Tiada maklum balas diberikan bagi isu ini. kerana wakil JAKOA tidak menghadiri diri dalam perbincangan ini.</i>                          |

| BIL. | ISU                                                              | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
|------|------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                                  | tapak tersebut kerana ia sudah berpindah tangan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| 3.   | Kewujudan tingkah laku anti-sosial dan proses peminggiran sosial | <p>Isu sosial yang melibatkan penduduk setempat adalah masalah penggunaan dadah jenis ais dan ketum telah bertambah di kampung Orang Asli.</p> <p>Masalah penjualan dadah yang semakin berleluasa di kampung mereka. Walaupun laporan telah dibuat kepada pihak berkuasa, termasuk AADK dan unit narkotik, namun tiada tindakan tegas diambil.</p> <p>Mereka mendakwa bahawa individu yang terlibat hanya ditangkap dan dilepaskan berulang kali, menyebabkan masalah ini terus berlarutan.</p> | <p><b>PDRM, Daerah Batu Pahat:</b><br/>Pihak PDRM telah membuat siasatan dan telah melakukan serbuan pada Mei berdasarkan 20 aduan yang telah diterima bersama pihak AADK mengikut Akta Penagih Dadah 1983 Pindaan 2024.</p> <p><b>AADK, Daerah Batu Pahat:</b><br/>Untuk makluman tuan pengerusi dan juga ahli mesyuarat, di pihak AADK telah menjalankan satu operasi bersepadu dengan pihak narkotik PDRM Daerah Batu Pahat seramai 60 anggota. Hasil serbuan tersebut, telah berjaya 60 orang yang disyaki dengan 48 telah diambil oleh PDRM, 18 oleh pihak AADK untuk rawatan dan pemulihan serta telah dihantar Ke Kota Tinggi, Johor</p> |
| 4.   | Budaya dan kesedaran sivik yang perlu dipupuk                    | Masalah pembuangan sampah yang tidak terkawal berlaku kerana ketiadaan lokasi khusus yang mencukupi untuk membuang sampah. Penduduk dimaklumkan membuang sampah di merata tempat seperti di bahagian hadapan dan belakang rumah.                                                                                                                                                                                                                                                                | <i>Tiada maklum balas diberikan bagi isu ini. kerana wakil JAKOA tidak menghadiri diri dalam perbincangan ini</i>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |

| BIL. | ISU                                                                  | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|------|----------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                                      | <p>Sebelum ini, Sultan Johor telah meluluskan satu lokasi khusus untuk pembuangan sampah, tetapi masalah timbul apabila sampah tidak dibuang ke dalam tong yang disediakan, sebaliknya dibuang di luar tong.</p> <p>Akibatnya, pekerja kutipan sampah enggan mengutip sampah yang bersepah.</p>                                             |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
| 5.   | Fenomena banjir dan sistem perparitan yang tidak teratur             | <p>Masalah banjir dari Sungai Batu Pahat, perlukan benteng tadahan air sungai. Ada keperluan untuk memperbaiki sistem perparitan dan longkang yang sudah lama dan rosak menjadi punca banjir dan limpahan air memasuki kawasan kediaman.</p> <p>Kedadaan ini boleh menimbulkan masalah kesihatan seperti nyamuk, denggi dan sebagainya.</p> | <i>Tiada maklum balas diberikan bagi isu ini. kerana wakil JPS tidak menghadirkan diri dalam perbincangan ini</i>                                                                                                                                                                                                                                           |
| 6.   | Pertembungan alam habitat termasuk binatang dengan penduduk tempatan | <p>Kekerapan monyet yang bertembung penduduk terutama apabila sampah tidak dibakar.</p> <p>Selain itu, kewujudan buaya dan ular berbisa turut membahayakan kehidupan dan nyawa penduduk.</p>                                                                                                                                                | <p><b>Jabatan PERHILITAN Batu Pahat:</b></p> <p>Untuk makluman, berhubung dengan anjing liar adalah di bawah bidang kuasa PBT. Di Pihak Jabatan PERHILITAN melibatkan babi liar, monyet dan binatang berbisa. Untuk isu di Orang Asli, pihak kami telah mengambil tindakan sebelum ini, namun jumlah monyet terlalu banyak dan cepat membiak. Kami juga</p> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                 | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                         |
|------|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |     | Kehadiran monyet semakin kerap menimbulkan risiko kurang keselamatan dan penjagaan kesejahteraan penduduk. | kekurangan peralatan seperti perangkap dan sebagainya. Namun, pihak kami masih mencari alternatif untuk mengatasi masalah ini. |

## 4.2 Pengutamaan Isu

Sesi pengutamaan isu telah dilakukan oleh ketua penyelidik Dr Wan Suzita Wan Ibrahim dan Siti Aisyah bersama YB Onn Bin Abu Bakar, Ahli Parlimen bagi kawasan Parlimen Batu Pahat pada 19 Februari 2025 di bangunan Ahli Parlimen Malaysia. Beberapa isu secara keseluruhan yang telah ditemui semasa sesi pemetaan isu di Parlimen Batu Pahat yang melibatkan sosial, ekonomi dan alam sekitar. Dr. Wan Suzita telah mengemukakan isu dan memaklumkan tentang pemilihan rakan solusi baru yang akan bertanggungjawab untuk menjalankan projek sSolusi, di mana mereka perlu memberi komitmen yang tinggi sepanjang pelaksanaan projek tersebut. Kebanyakan dalam pengutamaan isu yang ditemui ialah berkaitan sosial, ekonomi dan alam sekitar iaitu ekonomi bagi golongan B40, pendidikan dan kemahiran dalam kalangan belia, permasalahan kemudahan asas, isu PDK, masalah status tanah bagi masyarakat Orang Asli Kg Seri Banang dan isu banjir di Kg Sg Suloh, Low Piak, Taman Nira Batu Pahat (Penggaram) dan Kg Orang Asli Desa Sri Banang, Minyak Beku. Dr Wan Suzita juga turut memberi maklumat mengenai dana yang diperuntukkan dan juga jenis-jenis projek yang boleh dilaksanakan di kawasan parlimen Batu Pahat.



*Rajah 1: Perbincangan bersama belia, ADUN Rengit, Parlimen Batu Pahat*

Sumber: Kajian Lapangan Bersama Belia Pada 8 April 2025

### 4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Komuniti Belia di Kg Parit Tengah, Seri Merlong Rengit

Hasil perbincangan bersama 12 wakil belia dan Persatuan Belia di Parti Tengah telah berkongsi beberapa isu dan kekangan dalam kalangan belia pada masa kini antaranya belia tiada hala tuju, kekurangan aktiviti dan program pemerkasaan belia, kurang mendapat sokongan daripada kerajaan, diskriminasi kawasan dan kesan sosial dalam kalangan remaja seperti *vape*, dadah dan alat peranti tanpa kawalan daripada keluarga. Oleh yang demikian, tindakan perlu diambil untuk membentuk belia yang mahir, dinamik dan progresif untuk masa depan.

- **Belia Tiada Hala Tuju**

Komuniti melihat belia masa kini kehilangan hala tuju kerana ketiadaan pemimpin yang boleh membimbing mereka dalam bidang tertentu. Jika dulu, program seperti Rakan Muda berjaya menyatukan belia dalam aktiviti sukan dan sosial, mengeratkan hubungan serta membina kepimpinan. Kini, program sebegini tidak lagi dianjurkan, menyebabkan kurangnya interaksi dan pembangunan belia dalam komuniti.

*"Kita tak nak belia, anak-anak belia kita ni berterabur sana sini, kita tak mahukan. macam di kampung saya, memang kita galakkan dari segi sukannya, ekonomi, semua kita usahakan" ...*

*(Wakil Belia, 8 Februari 2025)*

*"Kita tak nak belia kita jadi lemah, sekarang ni saya lihat, belia banyak manja. dia lebih kepada gajet"....*

*(Wakil Belia, 8 Februari 2025)*

- **Kekurangan aktiviti dan program pemerksaan belia**

Kekurangan aktiviti dan program belia kerana kekangan peruntukan menyukarkan proses mengasah kepimpinan belia. Ketidadaan Tiada pewaris kepimpinan belia untuk generasi baru, Corak pemikiran belia berbeza berdasarkan lokaliti individu (sikap pemalu, introvert). Manakala, pelaksanaan had umur belia bawah 30 tahun yang kurang jelas terutamanya peralihan kuasa kepimpinan yang rata-ratanya dipengerusikan oleh belia atas 30 tahun.

- **Belia kurang sokongan dari pihak kerajaan**

Tiada latihan, program dan sokongan daripada Kerajaan kepada belia. Ada pertubuhan belia yang aktif tetapi kurang dapat bantuan dan sokongan dari Kerajaan. Hubungan agensi belia (berdaftar dengan Pendaftar pertubuhan Belia) dan agensi Kerajaan dengan belia setempat tidak intim dan tiada kesefahaman. Pertubuhan belia setempat tidak mendapat sokongan daripada agensi kerajaan. Manakala dalam penglibatan belia dalam aktiviti pertanian dan pendapatan berasaskan pertanian berkurangan kerana tidak mendapat sokongan dan galakan yang berterusan dari agensi kerajaan. Selain itu, suara atau peluang anak muda dari luar bandar terus terpinggir.

Jadual 14. Ringkasan Isu 1

|                                                          |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
|----------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b>                 | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Belia tiada hala tuju,</li> <li>2. Kekurangan aktiviti dan program pemerkasaan belia,</li> <li>3. Kurang mendapat sokongan dari kerajaan,</li> <li>4. Diskriminasi kawasan</li> <li>5. Kesan sosial dalam kalangan remaja</li> </ol>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
| <b>Cadangan</b>                                          | Memperkasakan aktiviti dan program kepimpinan belia                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
| <b>Kumpulan Terjejas</b>                                 | Belia dan Persatuan Belia Rengit                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| <b>Kawasan</b>                                           | DUN Rengit dan Parlimen Batu Pahat                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
| <b>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</b>                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
| <b>SDG yang berkaitan</b>                                | <b>Sasaran SDG Berkaitan</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| <b>Matlamat 3: Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik</b> | <b>Sasaran 3.5:</b> Mengukuhkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan pengambilan alkohol yang memudaratkan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
| <b>Matlamat 4: Pendidikan Berkualiti.</b>                | <p><b>Sasaran 4.7:</b> Menjelang 2030, memastikan semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menggalakkan pembangunan mampan, termasuk antara lainnya, melalui pendidikan untuk pembangunan mampan dan gaya hidup mampan, hak asasi manusia, kesamaan jantina, galakan budaya keamanan dan tanpa keganasan, kewarganegaraan global dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya dan sumbangan budaya kepada pembangunan mampan</p> <p><b>Sasaran 4.4:</b> Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional untuk pengajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan</p> |
| <b>Matlamat 10: Pengurangan Ketaksamaan</b>              | <b>Sasaran 10.2:</b> Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan penyertaan semua dalam politik, ekonomi dan sosial tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, kaum, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |

|                                                                  |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh.</b> | <b>Sasaran 16.a</b> Memperkukuh institusi negara yang relevan, termasuk menerusi kerjasama antarabangsa, untuk membina keupayaan pada semua peringkat, khususnya di negara membangun untuk menghalang keganasan serta memerangi keganasan dan jenayah                                                                                                                                                                              |
| <b>Matlamat 17: Kerjasama Mencapai Matlamat.</b>                 | <b>Sasaran 17.9:</b> Meningkatkan sokongan antarabangsa untuk melaksanakan pembinaan keupayaan yang berkesan dan bersasar di negara membangun untuk menyokong pelan negara untuk melaksanakan semua Matlamat Pembangunan Mampan termasuk melalui kerjasama<br><b>Sasaran 17.15:</b> Menghormati ruang dasar dan kepimpinan setiap negara untuk mewujudkan dan melaksanakan dasar bagi pembasmian kemiskinan dan pembangunan mampan |

#### 4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Nelayan Parit Botak

Nelayan Parit Botak adalah nelayan Pantai dan terletak di muara sungai Batu Pahat. Kegiatan utama adalah nelayan laut kecil yang menggunakan bot fiber dan didiami sekitar 56 ketua isi rumah yang sebahagiannya tidak mempunyai lesen berdaftar sepenuhnya dengan Jabatan Perikanan. Hasil perbincangan bersama 25 wakil nelayan yang berpengalaman dan golongan muda mendapati masih terdapat isu-isu yang belum selesai sehingga kini. Antara isu adalah sukar mendapatkan lesen secara sah, masalah pukat tunda, faktor cuaca yang tidak menentu, sumber pendapatan terjejas, kos operasi nelayan meningkat, kekurangan bakau serta pencemaran, kos sara hidup tinggi dan keperluan jeti.



*Rajah 2. Bersama komuniti nelayan laut Parit Botak, Parlimen Batu Pahat*

Sumber: Kajian Lapangan Bersama Nelayan Parit Botak Pada 8 Februari 2025

- **Kesukaran mendapatkan lesen nelayan secara sah**

Banyak nelayan di kawasan tersebut masih belum mempunyai lesen secara sah menyebabkan kesukaran dalam urusan pendaftaran dengan pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) atau Jabatan Perikanan. Keadaan ini menyukarkan nelayan dalam mendapatkan bantuan dan sokongan yang sepatutnya dan lesen yang sah dapat mengelakkan gangguan kepada nelayan semasa di laut terutama semasa operasi pemeriksaan oleh pihak berkuasa Maritim/Laut. Hasil perkongsian juga, mereka menyatakan telah memohon beberapa kali namun gagal kerana dimaklumkan pengeluaran lesen kepada nelayan bertaraf bot fiber adalah amat terhad.

*"Tak ada lesen, mereka datang lah. Masalah. Kita bukan tak suka bantuan daripada kerajaan. Suka-suka sangat. Tapi kita nak lesen saja. Pemudahkanlah urusan kami. Kesianlah kami. Itu saja. Kita pun ada tanggungan, kerja tulang 4 kerat. Itu saja"....*

*(Wakil Komuniti Nelayan Parit Botak, 8 Februari 2025)*

*"Saya sendiri pun dah 10 tahun 4 kali mohon tak lulus-lulus Masalahnya kalau nelayan sini ikhlas dari hati lah Kita bukan nak sara hidup ataupun subsidi..taknak..Kita nak lesen saja Untuk kita mudah takde gangguan dekat laut"...*

*(Wakil Komuniti Nelayan Parit Botak, 8 Februari 2025)*

- **Perubahan cuaca dan kos operasi nelayan meningkat**

Komuniti nelayan juga menghadapi cabaran yang dihadapi oleh nelayan akibat perubahan musim angin dari angin utara ke angin timur, yang menyebabkan suhu air menjadi lebih sejuk dan bagi rangsangan kepada hasil laut. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak dapat meneruskan aktiviti nelayan. Selain itu, sejak kebelakangan ini kos operasi juga meningkat dengan kos untuk keluar ke laut dengan minyak penuh mencecah RM400, tetapi hasil tangkapan hanya bernilai RM200, menyebabkan kerugian. Kelewatan dalam pengagihan subsidi minyak, juga menyebabkan operasi mereka terganggu. Ini kerana, apabila subsidi minyak tidak diganti tepat pada masanya, aktiviti menangkap ikan boleh terhenti kerana kekurangan bekalan.

*"Jadi kan sekarang kan keadaan cuaca teruk. ada gelombang pun dah sekarang pun teruk. ada taufan sana sini lah"....*

*(Wakil Komuniti Nelayan Parit Botak, 8 Februari 2025)*

*"Jaring memang sangat mahal.. Kalau boleh KPDN harga jaring itu dikawal lah. Sekarang harga jaring udang. RM45. Sekarang satu keping kosong RM75. Nelayan mana boleh pakai sekeping, 10 keping. yang labuh itu RM150"....*

*(Wakil Komuniti Nelayan Parit Botak, 8 Februari 2025)*



*Rajah 3. Suasana persekitaran jeti nelayan bersama komuniti nelayan Laut Parit Botak, Parlimen Batu Pahat*

Sumber: Kajian Lapangan Bersama Nelayan Parit Botak Pada 8 Februari 2025

- **Gangguan pukot tunda**

Nelayan di Parit Botak turut mengalami gangguan pukot tunda kerana menyebabkan berlakunya kekurangan ikan di kawasan mereka. Penggunaan pukot tunda akan menghancurkan ekosistem dasar laut, termasuk karang dan habitat ikan. Selain itu, nelayan pukot tunda sering beroperasi dalam keadaan bergelap tanpa lampu, menjadikan keadaan lebih berbahaya kepada pihak mereka di laut. Dipersoalkan operasi nelayan pukot tunda boleh menjalankan operasi selama 48 jam tanpa gangguan, sedangkan nelayan kecil berdepan dengan pelbagai kesukaran dan ancaman keselamatan semasa menjalankan aktiviti perikanan di kawasan pantai dan laut.

Jadual 15. Ringkasan Isu 2

|                                          |                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b> | 1. Sukar mendapatkan lesen secara sah<br>2. Masalah pukot tunda<br>3. Faktor cuaca yang tidak menentu,<br>4. Sumber pendapatan terjejas<br>5. Kos operasi nelayan meningkat<br>6. Kekurangan bakau serta pencemaran<br>7. Kos sara hidup tinggi<br>8. Keperluan Jeti baru |
| <b>Cadangan</b>                          | Menggalakkan produk hiliran bagi komuniti nelayan                                                                                                                                                                                                                         |
| <b>Kumpulan Terjejas</b>                 | Komuniti nelayan, B40                                                                                                                                                                                                                                                     |
| <b>Kawasan</b>                           | Parit Botak, Parlimen Batu Pahat                                                                                                                                                                                                                                          |

| SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|--------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| SDG yang berkaitan             | Sasaran SDG Berkaitan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
| <b>SDG 1: Tiada Kemiskinan</b> | <p><b>Sasaran 1.2:</b> Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah lelaki, wanita dan kanak-kanak daripada setiap peringkat umur yang hidup dalam semua dimensi kemiskinan menurut takrif nasional</p> <p><b>Sasaran 1.3:</b> Melaksanakan sistem dan langkah perlindungan sosial yang sesuai di seluruh negara untuk semua orang, termasuk peringkat perlindungan, serta mencapai perlindungan yang mencukupi bagi golongan miskin dan berisiko menjelang 2030</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
| <b>SDG 2: Sifat Kebuluran</b>  | <p><b>Sasaran 2.1:</b> Menjelang 2030, menamatkan kelaparan dan memastikan semua pihak mendapat akses kepada makanan selamat, berkhasiat dan mencukupi sepanjang tahun, khususnya golongan miskin dan mereka yang dalam situasi berisiko termasuk bayi</p> <p><b>Sasaran 2.3:</b> Menjelang 2030, menggandakan keluaran pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, terutamanya wanita, peribumi, keluarga petani, ahli pastoral dan nelayan, termasuk melalui akses yang selamat dan sama rata kepada tanah, sumber dan input produktif lain, pengetahuan, perkhidmatan kewangan, pasaran dan peluang bagi penambahan nilai dan pekerjaan bukan perladangan</p> <p><b>Sasaran 2.1:</b> Menjelang 2030, menamatkan kelaparan dan memastikan semua pihak mendapat akses kepada makanan selamat, berkhasiat dan mencukupi sepanjang tahun, khususnya golongan miskin dan mereka yang dalam situasi berisiko termasuk kanak-kanak</p> <p><b>Sasaran 2.3:</b> Menjelang 2030, menggandakan keluaran pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, terutamanya wanita, peribumi, keluarga</p> |

|                                                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
|--------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                                                    | <p>petani, ahli pastoral dan nelayan, termasuk melalui akses yang selamat dan sama rata kepada tanah, sumber dan input produktif lain, pengetahuan, perkhidmatan kewangan, pasaran dan peluang bagi penambahan nilai dan pekerjaan bukan perladangan</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
| <p><b>SDG 8: Pekerjaan Yang Baik &amp; Pertumbuhan Ekonomi</b></p> | <p><b>Sasaran 2.5:</b> Menjelang 2020, mengekalkan kepelbagaian genetik biji benih, tumbuhan tanaman, haiwan ternakan dan bela jinak serta spesies liar yang berkaitan, termasuk melalui bank biji benih dan tumbuhan yang pelbagai</p> <p><b>Sasaran 8.1:</b> Mengekalkan pertumbuhan ekonomi per kapita selaras dengan keadaan negara, dan secara khusus, sekurang-kurangnya 7 peratus pertumbuhan dalam negeri kasar setahun di negara kurang membangun</p> <p><b>Sasaran 8.3:</b> Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana, termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan</p> <p><b>Sasaran 8.6</b> Menjelang 2020, mengurangkan dengan ketara jumlah belia yang bukan dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan</p> |
| <p><b>SDG10: Pengurangan Ketaksamaan</b></p>                       | <p><b>Sasaran 10.2:</b> Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan penyertaan semua dalam politik, ekonomi dan sosial tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, kaum, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| <p><b>Matlamat 14: Kehidupan di Laut</b></p>                       | <p><b>Sasaran 14.2:</b> Menjelang 2020, menguruskan dan melindungi ekosistem laut dan pantai secara mampan untuk mengelakkan kesan buruk yang signifikan, termasuk dengan memperkukuh ketahanan ekosistem, dan bertindak untuk memulihkannya untuk memperoleh lautan yang sihat dan produktif</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |

|                                                                  |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p><b>SDG16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh</b></p> | <p><b>Sasaran 14.b:</b> Menyediakan akses kepada sumber marin dan pasaran bagi nelayan tradisional berskala kecil</p> <p><b>Sasaran 16.a:</b> Memperkukuh institusi negara yang relevan, termasuk menerusi kerjasama antarabangsa, untuk membina keupayaan pada semua peringkat, khususnya di negara membangun untuk menghalang keganasan serta memerangi keganasan dan jenayah</p>                                                           |
| <p><b>SDG 17: Kerjasama Mencapai Matlamat.</b></p>               | <p><b>Sasaran 17.9:</b> Meningkatkan sokongan antarabangsa untuk melaksanakan pembinaan keupayaan yang berkesan dan bersasar di negara membangun untuk menyokong pelan negara untuk melaksanakan semua Matlamat Pembangunan Mampan termasuk melalui kerjasama</p> <p><b>Sasaran 17.15:</b> Menghormati ruang dasar dan kepimpinan setiap negara untuk mewujudkan dan melaksanakan dasar bagi pembasmian kemiskinan dan pembangunan mampan</p> |

### 4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Orang Asli Kg Seri Banang

Perkampungan Orang Asli Kg Seri Banang adalah kawasan penempatan semula Orang Asli seluas 28 ekar dan telah yang dilaksanakan sekitar tahun 2010 dengan 100 buah biji rumah dan mempunyai 600 lebih penduduk. Kedudukan lokasi adalah di kawasan pinggir bandar Batu Pahat dan kegiatan ekonomi utama adalah nelayan laut, bekerja sendiri, swasta dan kerajaan. Kawasan tersebut turut disediakan kemudahan asas yang sedia ada seperti dewan, padang permainan, surau, bekalan elektrik dan jalan raya. Namun begitu, mereka masih mempunyai masalah sering berlaku antaranya masalah sosial, kos sara hidup tinggi, banjir, kurang kesedaran sivik, status hak milik dan kawalan tanah GPS, keperluan jeti nelayan, ancaman haiwan liar dan kemudahan asas yang kurang memuaskan.



*Rajah 4: Suasana persekitaran kampung bersama komuniti Orang Asli, Parlimen Batu Pahat*

Sumber: Kajian Lapangan Bersama Orang Asli Sri Banang Pada 10 Februari 2025

- **Penagihan dadah, vape, ketum, arak dan kecurian**

Dalam sosial, komuniti orang asli tidak terlepas dengan cabaran terhadap pelbagai situasi yang melibatkan penduduk setempat di mana masalah kecurian banyak berlaku dari orang luar dan masalah penggunaan dadah jenis Ais dan ketum telah bertambah di kampung Orang Asli. Dimaklumkan juga, masalah penjualan dadah adalah dari kawasan mereka dan yang semakin berleluasa di dalam kampung mereka. Walaupun laporan telah di buat kepada pihak berkuasa, termasuk AADK dan unit narkotik, namun perkara tersebut masih berlaku. Mereka mendakwa bahawa individu yang terlibat hanya ditangkap dan dilepaskan berulang kali, menyebabkan masalah ini terus berlarutan.

*" Masalah pengeluaran dadah di kampung ni. Dia nak umat. Tak diambil tindakan. Tangkap lepas, tangkap lepas. Orang yang sama".....*

*(Wakil Komuniti Orfang Asli, 10 Februari 2025)*

- **Keperluan memupuk kesedaran sivik**

Hasil perbincangan bersama komuniti, didapati, masalah pembuangan sampah yang tidak terkawal berlaku kerana ketiadaan lokasi khusus yang mencukupi untuk membuang sampah. Penduduk membuang sampah di merata tempat seperti di depan dan belakang rumah. Walau pun, sebelum ini, Sultan Johor telah meluluskan satu lokasi khusus untuk pembuangan sampah, tetapi masalah timbul apabila sampah tidak dibuang ke dalam tong yang disediakan, sebaliknya dibuang di luar tong.



*Rajah 5. Suasana persekitaran sampah di Kg Orang Asli, Seri Banang*

Sumber: Kajian Lapangan Bersama Orang Asli Sri Banang Pada 10 Februari 2025

Akibatnya, pekerja kutipan sampah enggan mengutip sampah yang bersepah dan kesannya, penduduk tidak lagi membayar kos sebanyak RM16 bagi setiap rumah kepada pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat kerana dianggap mahal.

- **Fenomena banjir**

Berdasarkan kedudukan lokasi yang terletak di pinggir sungai Batu Pahat menyebabkan Perkampungan Orang Asli Sri Banang mengalami masalah banjir dari Sungai Batu Pahat kesan pertembungan dari air laut dan darat. Keadaan menjadi sukar kerana penempatan tersebut tidak disediakan benteng tadahan air sungai. Selain itu, pihak JAKOA dan JPS perlu bekerjasama memperbaiki sistem perparitan dan longkang yang sudah lama dan rosak menjadi punca banjir dan limpahan air memasuki kawasan kediaman. Didapati, banjir berlaku dalam 2-3 kali setahun dan air naik sehingga dua hingga tiga kaki ke dalam rumah dan menimbulkan tidak selesa dalam kalangan komuniti Orang Asli.

Jadual 16. Ringkasan Isu 3

|                                                      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
|------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b>             | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Masalah sosial</li> <li>2. Kos sara hidup tinggi</li> <li>3. Banjir</li> <li>4. Mentaliti dan kurang kesedaran kebersihan,</li> <li>5. Status hak milik dan kawalan tanah GPS,</li> <li>6. Keperluan jeti nelayan,</li> <li>7. Ancaman haiwan liar</li> <li>8. Kemudahan asas yang kurang memuaskan</li> </ol>                                                                                                                                        |
| <b>Cadangan</b>                                      | Menggalakkan dan program kebersihan dalam kalangan orang Asli                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
| <b>Kumpulan Terjejas</b>                             | Komuniti Orang Asli, B40                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| <b>Kawasan</b>                                       | Perkampungan Sri Banang, Parlimen Batu Pahat                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
| <b>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</b>                |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| <b>SDG yang berkaitan</b>                            | <b>Sasaran SDG Berkaitan</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
| <b>SDG 1: Tiada Kemiskinan</b>                       | <p><b>Sasaran 1.2:</b> Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah lelaki, wanita dan kanak-kanak daripada setiap peringkat umur yang hidup dalam semua dimensi kemiskinan menurut takrif nasional</p> <p><b>Sasaran 1.3:</b> Melaksanakan sistem dan langkah perlindungan sosial yang sesuai di seluruh negara untuk semua orang, termasuk peringkat perlindungan, serta mencapai perlindungan yang mencukupi bagi golongan miskin dan berisiko menjelang 2030</p> |
| <b>SDG 3: Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik.</b> | <b>Sasaran 3.5:</b> Mengukuhkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan pengambilan alkohol yang memudaratkan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
| <b>SDG 4: Pendidikan Berkualiti</b>                  | <b>Sasaran 4.7:</b> Menjelang 2030, memastikan semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menggalakkan pembangunan mampan, termasuk antara lainnya, melalui pendidikan untuk pembangunan mampan dan gaya hidup mampan, hak asasi manusia, kesamaan jantina, galakan budaya keamanan dan tanpa keganasan, kewarganegaraan global dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya dan sumbangan budaya kepada pembangunan mampan                                       |

|                                                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
|--------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                                                    | <p><b>Sasaran 4.4:</b> Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional untuk penggajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
| <p><b>SDG 8: Pekerjaan Yang Baik &amp; Pertumbuhan Ekonomi</b></p> | <p><b>Sasaran 8.1:</b> Mengekalkan pertumbuhan ekonomi per kapita selaras dengan keadaan negara, dan secara khusus, sekurang-kurangnya 7 peratus pertumbuhan dalam negeri kasar setahun di negara kurang membangun</p> <p><b>Sasaran 8.3:</b> Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana, termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan</p> <p><b>Sasaran 8.6:</b> Menjelang 2020, mengurangkan dengan ketara jumlah belia yang bukan dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan</p> |
| <p><b>SDG10: Pengurangan Ketaksamaan</b></p>                       | <p><b>Sasaran 10.2:</b> Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan penyertaan semua dalam politik, ekonomi dan sosial tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, kaum, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
| <p><b>SDG16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh</b></p>   | <p><b>Sasaran 16.a</b> Memperkukuh institusi negara yang relevan, termasuk menerusi kerjasama antarabangsa, untuk membina keupayaan pada semua peringkat, khususnya di negara membangun untuk menghalang keganasan serta memerangi keganasan dan jenayah</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| <p><b>SDG 17: Kerjasama Mencapai Matlamat.</b></p>                 | <p><b>Sasaran 17.9:</b> Meningkatkan sokongan antarabangsa untuk melaksanakan pembinaan keupayaan yang berkesan dan bersasar di negara membangun untuk menyokong pelan negara untuk melaksanakan semua Matlamat Pembangunan Mampan termasuk melalui kerjasama</p> <p><b>Sasaran 17.15:</b> Menghormati ruang dasar dan kepimpinan setiap negara untuk mewujudkan dan melaksanakan dasar bagi pembasmian kemiskinan dan pembangunan mampan</p>                                                                                                                                                                                                                                                       |

## 5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 17. Pengenalpastian Projek Penyelesaian

|                       | PROJEK 1                                      | PROJEK 2                                       | PROJEK 3                                                                                                                                                     |
|-----------------------|-----------------------------------------------|------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Tajuk Projek</b>   | Gerak Usahawan Bp                             | Dapur warisan Batu Pahat                       | From Cherry To Cup                                                                                                                                           |
| <b>SDG Berkaitan</b>  | 1, 4,5,8, 9,10, 11, 16,17                     | 1, 4,5,8, 9,10,                                | 1, 4,8, 11,17                                                                                                                                                |
| <b>Objektif</b>       | Meningkatkan sumber pendapatan industri kecil | Meningkatkan kemahiran dan kualiti hidup belia | menguasai kemahiran dalam bidang Barista dan pengurusan kafe                                                                                                 |
| <b>Hasil Jangkaan</b> | Menambah keyakinan peserta                    | Menambah sumber pendapatan golongan belia      | Memastikan semua peserta menguasai kemahiran dalam bidang F&B terutamanya <i>barista</i> dan pengurusan <i>cafe</i> dan mempunyai Sijil-sijil yang diiktiraf |
| <b>Organisasi</b>     | Heera Creations                               | Jssv Multi Resources                           | Das Gluck Industries                                                                                                                                         |
| <b>Aktiviti</b>       | Digital pemasaran, pembangunan kemahiran      | Latihan, pasaran, belanjawan, dan keusahawanan | Latihan dan kemahiran                                                                                                                                        |
| <b>Jumlah (RM)</b>    | RM 40,000                                     | RM 40,000                                      | RM 40,000                                                                                                                                                    |
| <b>Lokasi</b>         | Batu Pahat, Johor                             | Batu Pahat, Johor                              | Batu Pahat, Johor                                                                                                                                            |
| <b>Tempoh</b>         | 3 bulan                                       | 3 bulan                                        | 3 bulan                                                                                                                                                      |

## **6.0 RUJUKAN**

"Banjir paling teruk sejak 15 tahun." *Utusan Malaysia*, 17 September 2022.

"GE15 Results." The Star Online.

Jabatan Perangkaan Malaysia. "P.149 Sri Gading Johor, Statistik Subnasional Parlimen dan DUN," 2022.

*Ringkasan Eksekutif, Draf Rancangan Tempatan Daerah, Pontian-Batu Pahat 2030.*

"15th General Election Malaysia." The Oriental Daily.



## **APPGM-SDG**

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAHAN



### **Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari**

📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,  
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ [secretariat@appgm-sdg.com](mailto:secretariat@appgm-sdg.com)

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>